

BIL 1/2021



جاءتكم بكتاب من كتاب
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

سینئر وقای

Sinar Rohani

P e m b i m b i n g U m m a h

Perspektif

Aplikasi Maqasid Syariah dalam
Pengurusan Pandemik Covid-19

Global

Pandemik dan Penyelesaian Islam

Fokus

Di Sebalik Pandemik:
Hikmah dan Muhasabah

Turath

Covid-19 dan Hari Kiamat:
Perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah

Tazkirah

Tabayyun Mendepani Kluster "Share Ajelah"

Semasa


Fiqh Perkahwinan dalam Suasana Pandemik

PERCUMA

eISSN 2811-3403



9 772811 340002



Hari Esok Masih Ada

Langit masih gerimis
Kelabu terus membuku
Entah sampai bila
Diri ini perlu berkurung

Entah kenapa
Kehadirannya tidak pernah diingini
Hadirnya tidak pernah dijemput
Namun...
Hadirnya mengetarkan diri
Yang kini menghuru-harakan mimpi


Tuhan menguji
Menguji hati hamba-Nya
Adakah ini mampu kau lewati
Atau sekadar kau tembusi
Adakah kau sedar yang ini masih mimpi
Yang sebenarnya adalah realiti

Pandemik ini bagai duri
Mencucuk menghimpit ke sanubari
Sampai bila kita lewati
Adakah pengakhirannya hanya mati

Langit masih kelabu
Namun pelangi masih ada
Allah penentu segala
Doa saja senjata utama
Usaha demi usaha
Harus dimula dengan segera

Allah sentiasa bersama kita
Esok hari masih ada

Wafi Razak



KANDUNGAN



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimmkan selagi tidak mengubah isi kandungannya.

Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimmkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

- 2 Sajak**
Hari Esok Masih Ada
- 4 Laman Pengarang**
- 5 Perspektif**
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Pengurusan Pandemik Covid-19
- 9 Global**
Pandemik dan Penyelesaian Islam
- 13 Fikrah**
Pendidikan Islam dalam Arus Norma Baharu
- 17 Fokus**
Di Sebalik Pandemik: Hikmah dan Muhasabah
- 20 Turath**
Covid-19 dan Hari Kiamat Perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah
- 27 Tazkirah**
Tabayyun Mendepani Kluster "Share Ajelah"
- 30 Dakwah**
Dakwah Era Pandemik
- 32 Cerpen**
Covid-19 - Konspirasi
- 35 Semasa**
Fiqh Perkahwinan dalam Suasana Pandemik
- 38 Mimbar**
Khutbah Pilihan Fiqh dan Proklamasi Darurat
- 40 Inspirasi**
Peranan dan Fungsi Masjid Ketika Pandemik

“Disebalik Pandemik”

Pandemik COVID-19 yang juga dikenali sebagai pandemik koronavirus atau wabak koronavirus ialah pandemik penyakit koronavirus 2019 yang sedang berlaku secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2(SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga Jun 2021, lebih daripada 200 juta kes telah disahkan, manakala lebih daripada empat juta kematian disebabkan oleh COVID-19.

Negara kita, Malaysia juga tidak terkecuali diuji dengan pandemik Covid-19 yang mana telah meragut 4000 nyawa (sehingga 14 Jun 2021). Semua lapisan masyarakat telah terkesan dengan pandemik ini sehingga memaksa pihak kerajaan untuk melaksanakan tiga siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebagai muslim, kita seharusnya melihat pandemik ini sebagai suatu bentuk ujian daripada Allah SWT. Firman-Nya dalam surah al-Taghabun, ayat 11 yang bermaksud:

“Tidak menimpa sesuatu musibah melainkan dengan izin Allah, siapa yang beriman kepada Allah akan diberi petunjuk kepadanya dan Allah mengetahui atas segala sesuatu”.

Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Baqarah, ayat 155 – 156 yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (Iaitu) orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

Justeru, lihatlah pandemik ini sebagai suatu bentuk ujian daripada Allah SWT dan perbanyakkanlah beristighfar memohon keampunan daripada-Nya. Lakukanlah perkara positif sebanyak mungkin dan sekiranya tidak dapat membantu memperbaiki keadaan, janganlah pula menambahkan beban kepada orang lain. Sentiasalah melazimi zikir, menjaga solat, bersalawat dan memohon agar Allah segera mengangkat ujian hebat ini. **SR**

SIDANG RIDAKSI

Penaung

Datuk Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah JAKIM

Penasihat

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimie
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM

Ketua Pengarang

Dr. Lokman bin Ab. Rahman

Pengarang

Majdi bin Mohamad Nor

Penyunting

Mah Lee @ Hajah Mariam binti Abdullah
Effah Imtiaz binti Zainol
Nazirah binti Abu Bakar

Pembantu Penyunting

Ahmad Syahid bin Salleh
Khairul Anuar bin Shamsudin

Reka Bentuk

Zaz Alliance

Pengurus Edaran

Siti Atikah binti Mohamad

Pembantu Edaran

Mohd Shuhaidil bin Shukri
Wan Mohd Nazmi bin Wan Mohd

Aplikasi Maqasid Syariah dalam Pengurusan Pandemik Covid-19

Wan Nadzirah binti Wan Mohamad
Bahagian Maqasid Syariah JAKIM.

Syariat Islam diperundangkan oleh Allah SWT bagi memenuhi masalah seluruh manusia di dunia dan akhirat. Allah SWT menjadikan syariat Nabi Muhammad SAW untuk semua manusia dan sesuai diamalkan sepanjang zaman kerana syariat ini bersifat rahmat kepada sekalian alam, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahi Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (al-Anbiya:107).

Perkataan ‘rahmat’ yang terungkap dalam ayat di atas diterjemahkan dengan nilai-nilai Maqasid Syariah iaitu membawa kebaikan dan mengelakkan keburukan. Pengaplikasian lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam semua bidang akan membawa kepada kesejahteraan dan keharmoniaan hidup masyarakat.

DEFINISI MAQASID SYARIAH

Perkataan ‘maqasid’ berasal daripada konjugasi kata kerja Arab qasada-yaqsidu-qasdan-maqasadan yang membawa pelbagai maksud seperti menuju, meminta sesuatu atau mendatangkannya, berjalan lurus, keadilan dan kebenaran, keras dan paksa (Fairuzabidi, 1971). Manakala perkataan ‘syariah’ berasal daripada ‘syara’ yang bermaksud sumber air minuman yang tidak pernah putus dan sentiasa mengalir (Jurjani, 1405).

Al-Raysuni mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai “matlamat-matlamat yang menjadi sebab syariat diturunkan demi kemaslahatan hamba-hamba (al-Raysuni, 1415H). Menurut Ibn Asyur (2001), Maqasid Syariah ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian aspek pensyariatannya. Al-Ghazali (1413H) mentakrifkan masalah ialah memelihara objektif syarak. Objektif syarak daripada penciptaan adalah lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, setiap perkara yang mengandungi elemen pemeliharaan terhadap lima asas ini adalah masalah. Setiap perkara yang meluputkan asas-asas ini, adalah mafsadah dan menggugurkan mafsadah merupakan satu masalah.

Pemeliharaan lima prinsip yang terkandung dalam masalah *daruriyah* mengikut Imam al-Ghazali perlu dilaksanakan mengikut keutamaan seperti berikut:

1. Memelihara Agama

Memelihara agama bermaksud mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asasnya, termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan, manakala agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Memelihara Nyawa

Memelihara nyawa adalah memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, kehidupan keluarga yang stabil dan pengurangan jenayah serta keamanan.

3. Memelihara Akal

Memelihara akal adalah memberi perlindungan kepada akal manusia daripada apa-apa yang boleh merosakkannya. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Semua unsur yang menjurus kepada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah dan filem yang merosakkan perlu dibanteras. Selain itu, penyediaan infrastruktur dan sistem pendidikan yang holistik serta terbaik menjadi tanggungjawab kerajaan bagi membolehkan setiap rakyat mendapat pendidikan yang sempurna.

4. Memelihara Keturunan

Memelihara keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak dengan tingkahlaku yang menyalahi agama dan tabi'ie manusia seperti penzinaan, liwat, gay dan sebagainya, maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan meruntuhkan jalur keturunan yang



suci serta merosakkan agama, bangsa dan negara.

5. Memelihara Harta

Memelihara harta bermakna melindungi harta masyarakat dan negara daripada kehancuran dan peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Ianya termasuklah larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak dan sebagainya. Pemerintah wajib memelihara dan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan pihak lain.

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19

Prinsip Maqasid Syariah menjadi panduan dalam mengerakkan usaha kerajaan melawan COVID-19. Keputusan



menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelakkan penularan pandemik itu, pada hakikatnya merupakan pengaplikasian prinsip Maqasid Syariah iaitu memelihara nyawa (Petikan ucapan, perasmian YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yasin, Perdana Menteri Malaysia semasa Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara, pada 29 September 2020). Aplikasi prinsip Maqasid Syariah ini digunapakai meskipun tidak diuar-uarkan sebagai kerangka dalam tindakan menangani pandemik COVID-19.

Kerajaan telah melaksanakan tiga komponen utama untuk mengendali dan menguruskan ancaman wabak COVID-19 yang merangkumi langkah pencegahan, pembendungan dan pengawalan. Semua komponen tersebut adalah berdasarkan kepada prinsip Maqasid Syariah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat dan negara. Dalam konteks menangani COVID-19 di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan yang bersandarkan kepada kaedah *fiqhiyyah*

sepertimana yang telah digariskan oleh para ulama bagi mencapai matlamat utama syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan secara bertahap oleh kerajaan bertujuan untuk meletakkan masalah negara dan kepentingan rakyat di peringkat teratas. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang bermaksud; *“Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya berkaitan dengan kemaslahatan.”*

Di peringkat permulaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua sektor telah ditutup kecuali sektor yang berkaitan dengan keperluan asas sahaja. Keadaan ekonomi negara ketika ini turut terjejas kerana pusat-pusat perniagaan tidak dapat beroperasi. Namun memelihara nyawa adalah lebih utama kerana negara akan mampu menjana kembali ekonomi selepas berakhirnya pandemik COVID-19. Begitu juga dalam urusan keagamaan. Kerajaan telah memutuskan supaya semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau ditangguhkan dan ia selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020. Larangan ini adalah untuk kemaslahatan rakyat, iaitu mencegah penularan wabak kerana dibimbangi akan berjangkit dan boleh membawa kepada keadaan yang tidak terkawal.

Kerajaan juga telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD). PKPD dilaksanakan bagi mengekang penularan wabak supaya tidak tersebar ke tempat lain bagi kawasan yang terdapat peningkatan kes positif COVID-19. Contohnya pada 27 Mac hingga 9 April 2020, dua kawasan di Simpang Renggam, Johor telah dilaksanakan PKPD dan semua penduduk di kawasan tersebut telah dikuarantin di rumah masing-masing selama 14 hari.

Jika dikaitkan dengan prinsip Maqasid Syariah, pelaksanaan kuarantin tersebut bertujuan untuk memelihara nyawa manusia. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud; *“Apabila kamu mendengar mengenainya (wabak taun) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu memasuki tempat tersebut. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di dalamnya, janganlah kamu keluar melarikan diri daripadanya”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Prinsip Maqasid Syariah telah dipraktikkan oleh kerajaan dalam tempoh ini untuk menjaga kemaslahatan rakyat iaitu memberi penekanan dengan menggunakan *tagline* ‘Elakkan 3S dan amalkan 3W’. Elakkan 3S iaitu tempat yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak dekat. Manakala amalkan 3W iaitu kerap membasuh tangan (*wash*), sentiasa memakai pelitup muka (*wear*) dan sentiasa mengawasi diri seperti tidak bersalaman, disinfeksi, menjaga etika batuk, tidak keluar rumah jika tidak ada kepentingan dan dapatkan rawatan segera apabila bersejela (*warn*). Semua langkah ini dinamakan sebagai norma baharu yang harus dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat. Langkah memperkenalkan

norma baharu ini juga merupakan usaha kerajaan yang termasuk dalam prinsip menjaga keselamatan nyawa kerana dengan menjaga nyawa, manusia dapat menguruskan peranan sebagai hamba Allah SWT untuk menjaga agama dan prinsip-prinsip yang lain.

PENUTUP

Jelas terbukti bahawa Islam merupakan agama yang universal dan komprehensif serta mencakupi seluruh sistem kehidupan manusia tanpa batasan masa, waktu dan keadaan. Prinsip kesejagatan Islam yang berteraskan Maqasid Syariah membawa rahmat kepada umat manusia dalam keadaan senang mahupun sukar. Inilah yang telah dipraktikkan oleh negara kita dalam mendepani cabaran Pandemik COVID-19. Usaha dan tindakan pihak kerajaan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pematuhan kepada norma baharu dan lain-lain, telah dipraktikkan bagi menjunjung prinsip Maqasid Syariah yang membawa kepada kesejahteraan umat manusia. Adalah menjadi harapan agar semua lapisan masyarakat bersatu dan komited dalam menjayakan pelaksanaan prinsip Maqasid Syariah demi memastikan negara bebas daripada wabak COVID-19. **SR**



PANDEMIK DAN PENYELESAIAN ISLAM

Bakri bin Amboala
Bahagian Dakwah JAKIM

Pandemik atau wabak besar ialah epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia merentasi kawasan luas. Ia bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak ke seluruh dunia. Penyakit endemik meluas yang stabil dari segi berapa ramai orang jatuh sakit akibatnya bukanlah satu pandemik. Selain itu, pandemik selesema tidak termasuk selesema bermusim.

Terdapat pandemik yang pernah melanda umat manusia sepanjang sejarah zaman disebabkan penyakit berjangkit besar seperti cacar dan penyakit batuk kering, malah ada yang memberi kesan sehingga pada hari ini. Misalnya pandemik HIV pada tahun 1980-an dan pandemik koronavirus 2019-20.

Kes korona Virus pertama dikenal pasti pertama di Wuhan, Hubei, China, pada awal bulan Januari 2020. Ia menyebabkan gugusan kes penyakit pernafasan akut, kini dirujuk sebagai penyakit koronavirus 2019 (COVID-19). Lebih daripada 100 negara dan wilayah terjejas dengan wabak besar di pusat China, Itali, Korea Selatan dan Iran. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mencirikan koronavirus sebagai pandemik.

Islam merupakan agama yang menitikberatkan soal kesihatan dengan meletakkan beberapa prinsip asas dalam mendepani penyakit, sebelum dan juga semasa penyakit menimpa seseorang. Antara prinsip yang diajarkan oleh Islam dalam berhadapan dengan penyakit adalah seperti berikut: **Pertama:** Berdoa kepada Allah SWT. Berdoa dilakukan

dengan tujuan untuk mengelakkan ditimpa penyakit. Antara doa dan zikir yang diajarkan menerusi pelbagai nas yang sahih adalah seperti doa bermaksud: *“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan juga penyakit-penyakit berbahaya yang lain.”* (Riwayat Abu Daud)

Islam juga menganjurkan umatnya agar membaca pada waktu pagi dan petang sebanyak tiga kali zikir bermaksud: *“Dengan nama Allah yang mana dengan nama-Nya tidak memudaratkan sesuatu pun di bumi dan juga di langit, dan Dialah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”* (Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad)

Hal ini kerana, Rasulullah SAW mengatakan bahawa sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan petang, nescaya dia tidak akan ditimpa sebarang kemudaratkan.

Kedua, Islam amat menitikberatkan soal pencegahan penyakit sebelum ia menimpa. Terdapat beberapa langkah pencegahan yang dianjurkan seperti yang ditunjukkan dalam beberapa riwayat yang sahih. Antaranya sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abd al-Rahman bin ‘Auf RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sekiranya kamu mendengar tentang taun yang menimpa sesuatu kawasan, maka janganlah kamu masuk ke tempat tersebut. Sekiranya ia berlaku di sesuatu kawasan dan kamu berada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar darinya untuk melarikan diri.”* (Riwayat al-Bukhari)

Hadith di atas jelas menunjukkan

langkah pencegahan yang disyorkan oleh Rasulullah SAW sebelum dan juga selepas seseorang itu terlibat dengan penyakit berjangkit. Sekiranya seseorang itu mengetahui akan penularan sesuatu wabak di tempat tertentu, janganlah dia pergi ke tempat tersebut bagi mengelakkan dirinya dijangkiti penyakit tersebut. Manakala jika seseorang itu telah berada dalam kawasan yang merebak padanya wabak, tindakan pencegahan yang diambil adalah dengan cara tidak keluar dari kawasan tersebut bagi mengelakkan penularannya ke kawasan-kawasan yang lain.

Begitu juga sebagai langkah pencegahan daripada dijangkiti penyakit, Islam membenarkan kita menjauhkan atau menjarakkan diri daripada individu yang menghidap penyakit berjangkit. Ini seperti yang disebutkan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud *“Dan hendaklah kamu melarikan diri daripada pesakit kusta sebagaimana kamu melarikan diri daripada singa.”* - (Riwayat al-Bukhari)

Ketiga, sebaik sahaja seseorang itu ditimpa penyakit, Islam memberi penekanan kepada kepentingan merawat. Di samping redha dengan takdir Allah SWT, tuntutan untuk merawat penyakit juga tidak boleh diabaikan. Ini berdasarkan sebuah hadith daripada Usamah bin Syarik RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud, *“Hendaklah kamu merawat (penyakit) kerana sesungguhnya Allah tidak menjadikan suatu penyakit melainkan Dia turut menyediakan ubat baginya, melainkan satu penyakit sahaja iaitu ketuaan.”* (Riwayat Abu Daud)

Dalam sebuah hadith yang lain, Nabi SAW bersabda bermaksud, *“Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah.”* (Riwayat Muslim)

Begitu juga berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu al-Darda' RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud *“Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan juga ubat, serta Dia menjadikan bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka hendaklah kamu semua berubat dan janganlah kamu berubat dengan suatu yang haram.”* (Riwayat Abu Daud).

Keempat, setelah segala usaha dan ikhtiar dilakukan, agama mengajar kita agar menyerahkan segala urusan seterusnya kepada Allah SWT. Inilah bentuk tawakal iaitu penyerahan diri yang mutlak kepada Allah setelah usaha-usaha dilakukan. Allah SWT berfirman bermaksud: *“Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada-Nya.”* (Surah Ali Imran)

Inilah pegangan akidah sejati seorang muslim, yang menghimpunkan antara mengambil usaha serta bertawakal kepada Allah SWT dalam setiap tindakan yang dilakukan. Sekiranya segala usaha mengelakkan penyakit seperti doa dan langkah pencegahan telah diambil, namun seseorang itu tetap diuji juga dengan penyakit, maka hendaklah dia menenangkan dirinya dengan firman Allah SWT bermaksud, *“Katakanlah (wahai Muhammad) bahawa sama*



sekali ujian tidak akan menimpa kita melainkan apa yang telah Allah tetapkan untuk kita. Dialah pelindung kita, dan kepada Allah jugalah golongan beriman itu perlu bertawakal.” (Surah al-Taubah :51)

Sebagai penutup, ada tujuh ayat di dalam al-Quran, barangsiapa membacanya, nescaya tidak ada sesuatu dan kuasa yang boleh memudaratkan akan dia dengan izin Allah SWT.

1. Surah at-Taubah, Ayat 51:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.”

2. Surah Yunus, ayat 107:

وَإِنْ يَمَسُّكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

“Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tidak sesiapa pun yang akan



dapat menghalangi limpah kurnia Nya. Allah melimpahkan kurnia-Nya itu kepada sesiapa yang dikendaki-Nya daripada hamba-hamba-Nya, dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

3. Surah Hud, ayat 6:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

“Dan tidak adalah sesuatu pun daripada makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).”

4. Surah Hud, ayat 56:

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

“Kerana sesungguhnya aku telah berserah diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu! Tidak adalah sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah jualah yang menguasainya. Sesungguhnya Tuhanku tetap di atas jalan yang lurus.”

5. Surah al-Ankabut, ayat 60:

وَكَايِنٍ مِّنْ دَابَّةٍ لَّا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dialah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

6. Surah Fatir, ayat 2:

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

“Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatu pun yang dapat menahannya; dan apa jua yang ditahan oleh Allah, maka tidak ada sesuatu pun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan (ingatlah) Dialah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

7. Surah at-Zumar, ayat 38:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَافِيَاتُ ضُرِّيهِ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَتُ رَحْمَتِهِ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ

“Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang mencipta langit dan bumi? Sudah tentu mereka akan menjawab: Allah. Katakanlah (kepada mereka): Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain daripada Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahaya-Nya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmat-Nya itu? Katakanlah lagi: Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memelihara); kepada-Nyalah hendaknya berserah orang yang mahu berserah diri.”

Selamat beramal dengan faedah ayat tujuh. Semoga kita dihindarkan daripada bala dan Covid-19. **SR**



PENDIDIKAN ISLAM DALAM ARUS NORMA BAHARU

Muhamad Fadhli bin Ahmat
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh dunia telah memberi kesan yang sangat drastik dalam kehidupan manusia. Menurut sumber United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), pandemik ini memberi kesan kepada 1.5 billion pelajar dari lebih 165 buah negara di seluruh dunia (Wan Ya Shin, 2020). Fenomena ini turut memberi kesan terhadap sistem pembelajaran di negara ini apabila kerajaan mengambil langkah menutup operasi pembelajaran normal di semua institusi pendidikan seluruh negara bagi mencegah penyebaran virus Covid-19 semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Melalui garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa PKP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sepanjang tempoh tersebut, para guru merancang, menyediakan dan menyampaikan pembelajaran dengan menggunakan medium komunikasi dan aplikasi yang sesuai dengan norma baharu kepada pelajar-pelajar yang berada di rumah masing-masing.

Melalui konteks ini, para guru boleh melaksanakan PdP mengikut kreativiti yang bersesuaian dengan konsep *Home Based Learning* secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Semua subjek tidak terkecuali termasuklah Pendidikan Islam. Pembelajaran dalam talian merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 bagi generasi sekarang. Pertemuan

secara bersemuka antara guru dengan pelajar digantikan dengan secara dalam talian melalui aplikasi persidangan video seperti Zoom, Skype, MS Team, Google Hangout, Google Meet dan pelbagai lagi aplikasi yang digunakan bagi menyokong pembelajaran norma baharu ini.

Kepentingan Pendidikan Islam

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib yang diajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat tertinggi bagi tujuan melahirkan insan yang soleh, beramal dan berakhlak. Ianya bukan sekadar mata pelajaran *al-din*, bahkan perlu diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu muslim yang beriman.

Jika ditinjau sejarah perkembangan Pendidikan Islam secara umum, pengajian agama semasa zaman penjajahan bermula di rumah imam atau guru dan tidak diletakkan dalam sistem pendidikan negara. Ilmu yang diajarkan merupakan ilmu utama seperti membaca al-Quran, cara solat, puasa dan beberapa perkara yang lain yang penting dalam Islam.

Selepas itu, wujud pula sistem pondok di mana struktur pendidikannya lebih berbentuk tradisional. Pelajar tidak dihadkan umur dan kebolehan, tidak bayaran bulanan mahupun tahunan dikenakan dan kenaikan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi berdasarkan kemahiran pelajar tersebut. Kurikulumnya meliputi Fardhu Ain, Fardhu Kifayah dan matapelajaran lain yang dianggap penting

dalam Pendidikan Islam.

Bertitik tolak daripada sistem pondok, sistem madrasah diperkenalkan di mana ia dilengkapi dengan infrastruktur dari segi bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran. Setelah negara mencapai kemerdekaan, institusi madrasah (dikenali juga sebagai sekolah agama atau sekolah Arab) berterusan menghadapi cabaran. Hal ini kerana Akta Pelajaran 1961 (yang berasaskan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960), telah membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan, dengan memasukkan Pendidikan Agama Islam sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah kerajaan. (Mohd. Yunus Noor, 1990).

Cabaran Pendidikan Islam Dalam Arus Norma Baharu

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020, proses pengajaran dan pembelajaran tetap berlaku. Semua yang bergelar guru mesti mengakui bahawa sistem pendidikan di kala pandemik ini tidak boleh terhenti begitu sahaja biarpun terdapat halangan bersemuka atau belajar secara konvensional. Inilah yang dikatakan norma baharu dalam dunia pendidikan kini. Di sebalik ketiadaan pembelajaran formal dalam kelas atau dewan kuliah, terdapat inisiatif melaksanakan sesi atau aktiviti pembelajaran secara digital. Bagi tenaga pengajar di IPT, pembelajaran teradun (*blended learning*) sememangnya telah lama dipraktikkan memandangkan pelajar agak matang dan boleh berdikari. Namun, tidak semua ilmu yang disampaikan melalui atas talian berkesan (Zetty 2020)

Dalam usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, warga guru perlu menggunakan opsyen untuk menjalankan kelas secara atas talian. Pelbagai kekusaran



timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian ini. Ada pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Bagi guru pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan melihat kepada kesesuaian (Roslinda 2020).

Pelaksanaan Pengajaran matapelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar secara atas talian bukanlah sesuatu yang mudah. Antara cabaran yang dihadapi dalam situasi pandemik ini ialah proses bacaan ayat-ayat al-Quran yang kadang kala tidak jelas dari segi kualiti suara. Para guru perlu menegur bacaan pelajar yang salah sehingga ke peringkat memuaskan. Dari segi melihat penyebutan pelajar pada skrin komputer ada ketikanya juga tidak begitu baik dan jelas kerana suara lebih cepat daripada pergerakan mulut. Oleh itu amat penting proses pembelajaran dilakukan secara bersemuka (Norhidayati 2020).



dan menegur serta menghantar pula rakaman teguran tersebut kepada pelajar berkenaan yang kesemuanya dilakukan secara individu melalui aplikasi Google Classroom. Perkara ini terpaksa juga dilakukan walaupun tidak bersemuka bagi mengelakkan pelajar ketinggalan mengikuti sesi pembelajaran, dan pada masa yang sama berupaya merangsang sistem kognitif pelajar agar belajar secara berterusan dalam keadaan tidak segerak (Norhidayati 2020).

Langkah Penambahbaikan Pendidikan Islam dalam Arus Norma Baharu

Selari dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21), tuntutan pembelajaran dalam talian dalam arus norma baharu ini bukanlah sesuatu yang janggal dalam pendidikan. Objektif PAK21 adalah melatih pelajar menjadi lebih komunikatif, kolaboratif, kreatif dan kritis berfikir. Guru bukan sahaja berfungsi sebagai orang yang memberi ilmu, malah berperanan sebagai moderator, yang mendidik pelajar untuk mendapatkan ilmu seiring dengan kemajuan teknologi, di mana ilmu diperolehi hanya di hujung jari.

Justeru, kita perlulah sentiasa memikirkan alternatif dan langkah yang lebih proaktif sebagai pelan tambahan dalam mendepani sesi pembelajaran dalam arus norma baharu. Pelbagai usaha atau inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan saluran perkhidmatan dapat disampaikan terus kepada pelajar.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah Didik TV KPM. Inisiatif Didik TV KPM merupakan anjakan positif dan nilai tambah dalam sistem Pendidikan negara, selain berfungsi sebagai platform memperkukuh kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Kekurangan yang paling utama bagi subjek pendidikan Islam atas talian adalah masalah capaian internet. Tidak semua tempat mempunyai capaian internet yang baik. Hal ini menyukarkan bagi pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran dengan baik. Ada juga tempat di mana capaian internet sangat lemah bahkan “chat” juga sukar dilakukan. Perkara ini menjadi kekurangan utama pembelajaran atas talian.

Kebolehcapaian internet menjadi salah satu perkara penting dalam mengendalikan kelas atas talian (Zetty 2020) terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan internet (Roslinda 2020). Oleh yang demikian, pelajar-pelajar ini perlu dicapai dengan menghubungi mereka melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi WhatApps, Telegram mahupun Messenger.

Sekiranya pelajar-pelajar ini tidak dapat dihubungi melalui aplikasi ini, maka kaedah rakaman video pelajar terpaksa dilakukan. Kaedah ini menyukarkan guru untuk menegur kesalahan dan kesilapan secara langsung tambahan pelajar yang terlalu ramai. Guru terpaksa mendengar

Majlis Pelancaran Didik TV KPM telah disempurnakan oleh YAB, Perdana Menteri Malaysia. Didik TV KPM menyiarkan program berteraskan kurikulum, kokurikulum KPM dan berita mengenai dunia pendidikan dari peringkat prasekolah hingga Tingkatan Enam (Latifah Arifin, 2021).

Seterusnya, pelaksanaan pembelajaran pendidikan Islam yang dilaksanakan dalam arus norma baharu ialah rancangan



KAFA d'Hijrah melalui saluran TV Al-Hijrah. Pelancaran rasmi telah diadakan pada 1 Februari 2021 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). KAFA d'Hijrah ini merupakan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Rancangan ini berlangsung pada setiap hari Isnin hingga Sabtu jam 4.30 petang, manakala ulangan pula pada pukul 11.30 pagi dan 6.30 petang. Pendekatan melalui siaran televisyen sangat efektif kerana kebanyakan pelajar berada di rumah dan dapat mengakses rancangan TV al-Hijrah (Al-Hijrah Online, 2021).

Langkah-langkah penambahbaikan dari pihak kerajaan sedang dan telah diusahakan secara holistik melibatkan

pelbagai pihak. Usaha-usaha ini semestinya tidak akan terhenti di sini. Sungguhpun kerajaan telah mengumumkan pembukaan semula sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi ianya masih bersifat sementara kerana wabak Covid-19 masih berada di sekeliling kita.

Kesimpulan

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam arus norma baharu telah mengundang pelbagai cabaran yang tidak pernah diduga selama ini bukan sahaja dalam kalangan pengajar tetapi juga pada pelajar. Perubahan secara mendadak kaedah pembelajaran daripada kaedah konvensional kepada konsep dalam talian ekoran penutupan kampus bagi menyekat penyebaran virus COVID-19 sedikit sebanyak mengundang rasa "tergamam" seketika dalam kalangan pengajar dan mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan normal baharu dalam melaksanakan PdP dalam talian.

Pelaksanaan pembelajaran Pendidikan Islam dalam arus norma baharu tentunya memerlukan kesabaran yang tinggi sama ada di pihak guru atau pelajar. Para pengajar dituntut agar terus kekal tabah dan sabar sepanjang menyampaikan pengajaran atas talian. Para pelajar pula seharusnya menerima pembelajaran atas talian dengan hati terbuka kerana ia lebih bersifat alternatif sahaja kepada pembelajaran secara bersemuka. Walaupun kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini agak sukar berbanding kaedah bersemuka, tetapi ia mesti diteruskan agar PdP tidak terganggu dan terjejas. Semoga kita semua kekal positif dalam meneruskan kehidupan dalam arus norma baharu. **SR**

Di Sebalik Pandemik: Hikmah dan Muhasabah

Mohd Zainuddin bin Abu Bakar

Dunia berhadapan dengan ujian besar ketika ini. Penularan wabak Covid-19 dilihat seolah-olah menghentikan seketika segala urusan manusia. Manusia seolah-olah dikurung daripada segala aktiviti dalam usaha memutuskan rantai Covid-19. Hampir semua sektor terkesan dengan pandemik ini tanpa terkecuali. Pada peringkat awal, kepantasan Covid-19 merebak dengan pelbagai ciri dan watak, adakalanya membingungkan pihak yang mempunyai autoriti dalam bidang kesihatan untuk membuat keputusan. Hal ini memberi kesan dalam membina Prosedur Operasi Standard (SOP) terbaik bagi memastikan penularan covid ini boleh dikawal. Dalam segala kekalutan dan tekanan ini, manusia harus terus hidup.

Norma Baharu kehidupan mula diperkenalkan. Ia bagi membuka semula kehidupan manusia dengan beberapa batasan yang perlu dikawal. Tidak boleh lagi berkumpul sewenangnyanya, mengadakan aktiviti kenduri kendara, bersukan, menonton bola bersama-sama, malah aktiviti masjid juga perlu dipantau rapi. Betul, ia tidak mendatangkan kepuasan hidup, namun sekurang-kurangnya ia berjaya mengurangkan tekanan yang ada. Kehadiran vaksin juga dilihat sebagai antara harapan yang didambakan agar kehidupan kembali normal seperti sediakala. Namun begitu, fitrah kembali kepada Tuhan juga menjadi syarat utama di atas terangkatnya sesuatu ujian.

Menjadi fitrah manusia, apabila diuji, maka dia dengan segera akan kembali kepada Tuhan. Ketidakmampuan manusia mendepani kesusahan material, derita penyakit berbahaya yang membawa

maut merupakan dorongan utama untuk kembali kepada agama secara spontan sepertimana ayat al-Quran pada surah al-Zumar, ayat 8

وَيَلِيَّ ابْنِي مُرَّةَ بَرِّ رَاعٍ رَّضُ نَسْنَالِ سَمَّ اَدْوَا

“Maksudnya: Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, dia segera berdoa kepada Tuhannya dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya.”

Namun, Dr. Wahbah al-Zuhayli menegaskan dalam tafsirnya bahawa sifat seseorang itu apabila diuji dengan sesuatu mudharat akan segera mencari tuhan, dan apabila telah selesai ujiannya, maka mereka melupakan tuhan adalah satu sifat yang ada dalam kehidupan orang kafir. Justeru, dalam kehidupan ini, kita perlu kembali kepada Tuhan dalam setiap keadaan sama ada senang ataupun susah. Dalam berhadapan dengan pandemik ini sebagai muslim, banyak hikmah dan muhasabah yang boleh diambil manfaat, (dan tatkala ujian sedang memuncak.) Ia boleh dirumuskan dalam tiga aspek utama, iaitu aspek kehidupan sebagai hamba Allah, aspek kehidupan berkeluarga dan aspek kehidupan beradab sesama insan dalam bermuamalah.

Secara pasti, ujian pandemik ini mampu membangunkan kembali sifat kehambaan kepada Tuhan. Ujian ini menilai sejauhmana pergantungan kita pada Yang Maha Berkuasa. Pandemik ini mendidik kita secara rohani bahawa betapa kerdilnya kita selaku hamba yang tidak mampu dan tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mengurus walau satu zarah virus yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Pastinya virus ini juga

merupakan sebahagian daripada makhluk Allah. Atas keinsafan ini, sebagai muslim, kita wajar mengambil iktibar agar kembali tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT dan menjauhi dosa. Dosa dilihat antara penyebab berlakunya sesuatu bala dan bencana. Justeru, sebagai muslim, kita wajar mengambil pendekatan bertaubat sebagai salah satu usaha menghilangkan wabak ini. Proses kembali kepada Allah ini perlu dilakukan secara berterusan dengan penuh keinsafan. Maka hikmah peluang kembali menjadi hamba kepada Allah ini perlu direbut oleh semua orang Islam tanpa mengira apa status sosial kehidupan mereka. Konsep beriman dengan Qada dan Qadar memainkan peranan yang besar dalam mengharungi ujian ini, di samping keyakinan kita pada sifat al-Rahman dan al-Rahim Allah SWT. Pandemi ini juga mampu mencetuskan keinsafan untuk mencari kembali matlamat kejadian insan di muka bumi ini. Firman Allah SWT :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً
قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ
وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا
لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di muka bumi. Mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (Khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.””* -al-Baqarah : 30)

Dan Firman Allah S.W.T lagi:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”* (Surah az-Zariyat: 56)

Kehadiran pandemik ini menjadi sebab untuk kita meneliti semula peranan kita sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Ia mampu menemukan titik silang antara peranan sebagai hamba Allah SWT dan peranan sebagai khalifah di muka bumi ini. Salah faham peranan dan tanggungjawab sebagai hamba dan keterlaluan menguruskan urusan dunia kononnya sedang melaksanakan peranan sebagai khalifah di muka bumi ini pastinya akan menyebabkan kepincangan dalam kehidupan dan ketika dalam menguruskan bencana pandemik ini.

Dari sisi lain pula, ujian pandemik ini juga dilihat mampu membangkit nilai insani hidup berkeluarga dalam diri kita. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula diperkenalkan. Kita mempunyai ruang yang sangat luas untuk berinteraksi semula (setelah sekian lama sedikit terabai kerana kekangan kerjaya) dengan suami, isteri mahupun anak-anak. Peluang ini wajar diambil sepenuhnya untuk kita mengenali kembali ahli keluarga kita, serta membangunkan kembali gagasan Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam keluarga. Kembali menjadi suami dan ayah yang punyai citra pemimpin dan pelindung keluarga. Kembali menjadi isteri dan ibu yang punyai watak persis Saidatina Khadijah yang sentiasa mengukuhkan usaha hidup berkeluarga. Kembali menjadi anak-anak dambaan ibubapa dan penyejuk mata keluarga. Ruang yang luas ini wajar diambil peluang dengan melakukan perubahan bermula daripada diri kita sendiri. Inilah masanya kita buktikan pepatah “Keluargaku



Syurgaku”. Peluang menjadikan rumah dan keluarga sebagai ruang dan komuniti yang paling selamat untuk anak-anak kita. Bukan sekadar selamat, bahkan rasa bahagia itu wujud dalam lingkungan ahli keluarga kita. Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang baik dalam hal ehwal urusan berkeluarga. Baginda bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas RA:

حَيْرِكُمْ حَيْرِكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا حَيْرِكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: *Sebaik-baik daripada kalangan kamu adalah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isteriku.* (Hadith riwayat Ibn Majah, 9:2053)

Selain itu, ujian pandemik ini merupakan antara noktah gerak semula pembangunan adab dan disiplin sendiri khususnya berkaitan kebersihan diri, adab bermuamalah dengan beratur dalam interaksi jual beli fizikal, serta adab bersin dan batuk. Ia juga boleh membuka ruang yang luas dalam membina dan menghormati privasi sendiri. Sebagai muslim, keyakinan kita ialah Rasulullah S.A.W telah diutuskan kepada kita bagi tujuan menyempurnakan kemuliaan hidup berakhlak sebagaimana Sabda baginda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”* (Riwayat Ahmad.)

Kehadiran pandemik ini secara tidak langsung membina kebiasaan baharu dalam interaksi hidup beradab dan berakhlak. Pasti sandaran adab seorang muslim itu ialah Rasulullah SAW sendiri. Adab mulia ini bakal menjadi kebiasaan kembali dalam komuniti kita. Kalau dulu mungkin kita dikenali sebagai warga yang kurang disiplin. Namun

virus ini telah mendidik kita menjadi lebih prihatin dengan adab dan tatacara kehidupan.

Banyak hikmah lain yang datang bersekali dengan ujian pandemik ini. Covid-19 ini menjadi titik tolak awal dalam perubahan kebiasaan hidup manusia. Mahu atau pun tidak, kita perlu meneruskan kehidupan dengan kebiasaan baharu ini. Pandemik ini juga mampu melahirkan insan yang cekal dalam menghadapi sebarang ujian kehidupan. Disebalik tekanan ini, tidak dinafikan ia melahirkan banyak kreativiti baharu dalam usaha “menyambung kehidupan” semasa, seperti proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), perniagaan atas talian, mesyuarat dan seminar di hujung jari, menjimatkan kos penganjuran sesuatu acara, berjaya melahirkan komuniti celik teknologi maklumat dan sebagainya.

Kesimpulannya, kejayaan mengharungi sesuatu ujian itu bermula dari sisi sudut pandang individu itu semasa diuji. Sekiranya kita melihat ujian ini sebagai satu muhasabah dan peluang meraih kasih sayang Allah SWT, maka kita akan mengharunginya dengan redha, berusaha menangani ujian, kreatif mencipta peluang baru dan pastinya kita akan keluar dengan kejayaan dalam rahmat Allah SWT. Namun sekiranya ia dilihat dari sisi sudut lelah dan kebencian, rungutan, tidak mensyukuri malah menyalahkan takdir maka kita akan mengharunginya dengan penuh azab dan sengsara. Ujian ini akan menjadi lebih pedih dan menyusahkan. Akhirnya kita akan lahir sebagai hamba yang tidak bersyukur, dan yang lebih menakutkan adalah menjadi hamba yang kufur. Semoga Allah SWT melindungi kita dari segala malapetaka dunia dan akhirat.

SR

COVID-19 DAN HARI KIAMAT: PERSPEKTIF AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Radihan Saari

Bahagian Penyelidikan JAKIM

Islam adalah suatu cara hidup yang memberi panduan kepada umat manusia dalam semua aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Paradigma Islam berpandukan acuan Islam yang sahih atau dinamakan Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) merupakan suatu kerangka yang bersumber kepada wahyu al-Quran dan sunnah dengan kefahaman yang betul untuk kebaikan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Ahli Sunnah wal-Jamaah ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabiin dan *tabi tabiin* yang setia bersama-sama mereka, merangkumi manhaj dan kaedah salaf dan khalaf dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.

Dalam konteks arus perdana, umat Islam dituntut berpegang kepada pegangan majoriti umat Islam, iaitu yang dinamakan dalam hadis sebagai golongan *al-sawadul al-a'zham*. Golongan arus perdana tersebut ialah aliran berdasarkan Ahli Sunnah wal Jamaah, iaitu dari segi akidah berpandukan mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiah, dari segi syariah, berpandukan mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, tiga mazhab yang muktabar, iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu. Dari segi tasawuf pula hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf muktabar.

Kajian kontemporari sebuah badan pemikir berpusat di Jordan, iaitu Royal Islamic Strategies Studies Centre (RISSC) (2020) mendapati 90% umat Islam sedunia berpegang kepada aliran ASWJ. Ini menunjukkan bahawa majoriti ulama dan umat Islam adalah dalam golongan *al-Sawadul al-A'zham* sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

Fenomena Coronavirus (Covid-19)

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe *acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaharu yang ditemui pada tahun 2019 di China adalah Coronavirus 2019 atau dikenali COVID-19.

Seluruh dunia kini sedang menghadapi penularan pandemik COVID-19. Ia dilihat antara wabak yang memberi kesan yang paling teruk dalam sejarah dunia.

Wabak virus ini telah menular ke seluruh dunia dan sehingga awal Mac 2021, Covid-19 telah menjangkiti lebih 100 juta orang dan penduduk dunia dan menyebabkan kematian lebih 2.5 juta orang. Penularan wabak virus Covid-19 ini turut melanda Malaysia sejak awal tahun 2020. Statistik di Malaysia menunjukkan lebih 300 ribu orang telah dijangkiti dan menyebabkan kematian melebihi 1000 ribu orang.

Hari Kiamat dan Wabak COVID-19

Hari Kiamat merupakan Hari Pengakhiran bagi semua makhluk di atas muka bumi ini. Hari Kiamat adalah sesuatu perkara yang benar sebagaimana benarnya bahawa setiap manusia akan mati. Al-Quran banyak menyebut tentang Kiamat antaranya sebagaimana yang disebut dalam surah al-Hajj: ayat 7 “bermaksud: *“Dan sesungguhnya hari kiamat itu pasti akan datang, tidak ada keraguan padanya...”*”

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman bermaksud: *“Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi serta apa yang ada pada kedua-duanya, melainkan dengan benar, dan sesungguhnya kiamat itu pasti akan datang, maka maafkanlah mereka dengan cara yang baik.”* (al-Hijr:85)

Dalam hadis yang masyhur berkenaan al-Din yang diriwayatkan oleh Saidina Umar bin al-Khattab R.A. berkenaan Islam, Iman, Ihsan dan juga hari kiamat. Rasulullah SAW mengatakannya dalam jawapan kepada Malaikat Jibril, iaitu... Lelaki itu bertanya lagi: “Terangkan kepadaku tentang Kiamat.” Baginda bersabda: “Orang yang ditanya tentang Kiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya.

Lelaki itu berkata: “Maka terangkanlah kepadaku tentang tanda-tandanya. “Baginda bersabda: “(Antara tanda-tandanya adalah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang miskin yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi pengembala kambing berlumba-lumba membina bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya).

Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian baginda bertanya: “Wahai ‘Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu? Aku berkata: “Allah dan RasulNya

lebih mengetahui.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya dia ialah Malaikat Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu tentang agama kamu.”-(Hadis Riwayat Muslim)

Ilmu tentang waktu berlakunya kiamat hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Firman-Nya di dalam surah al-A’raf, ayat 187 bermaksud:

“Mereka menanyakan kepadamu tentang kiamat: “Bilakah terjadinya?” Katakanlah: “Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah pada sisi Tuhanku; tidak seorangpun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia (Allah).”

Hari kiamat menjadi rahsia di sisi Allah SWT Taala. Tidak ada siapa antara manusia dapat mengetahui tentang kedatangan hari kiamat. Jika ada orang yang mengaku mengetahuinya, maka teranglah dustanya, sedangkan Nabi Muhammad SAW tidak mengetahuinya. Hanya yang dapat diketahui ialah tanda-tanda hampir kedatangan hari kiamat itu.

Bilakah kedatangan hari kiamat tidak diketahui walaupun pasti datang, tetapi tanda-tandanya, telah dinyatakan. Tanda-tanda kecil kiamat telah ada dan antaranya dapat dilihat dan diketahui. Namun, jikalau dihayati hadis di atas, keutamaan adalah penghayatan dan pengamalan agama Islam mengenai Iman yang membicarakan ilmu-ilmu akidah, Islam yang membicarakan ilmu-ilmu fekah dan ihsan yang membicarakan ilmu tasawuf. Inilah keutamaan Islam dalam kesepaduan ad-din (Isman, Islam, Ihsan). Ilmu teras agama merupakan keutamaan (aulawiyat) untuk dipelajari dan diamalkan, bukannya sibuk dengan tanda-tanda kiamat dan fitnah akhir zaman yang menghilangkan fokus dan alpa terhadap keutamaan dalam kehidupan dunia ini. Sewajarnya diperbanyakkan lagi amalan ibadat, persiapan dengan ilmu duniawi serta ukhrawi dan amalan

sebagai pengabdian taqarub seorang hamba kepada Allah SWT.

Saranan ulama berdasarkan hadis di atas ialah kepentingan kesepaduan ilmu dan amal dalam kefahaman sahih dengan pengukuhan dalam bidang akidah, fekah dan tasawuf sebagai keutamaan. Kita mengetahui bahawa kepercayaan kepada kiamat merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Mengetahui perkara *samiyyat* cukup sekadar pengetahuan untuk persiapan dan yang utama ialah persediaan amal seseorang insan kepada Allah SWT, ibadat dan fekah dalam melaksanakan tuntutan syariat, tuntutan muamalah kehidupan duniawi dan ukhrawi dan tasawuf bagi penyuciaan kalbu dengan sifat-sifat mahmudah dan membuang sifat mazmumah serta menghiasi dengan akhlak mulia. Imam al-Ghazali menyatakan ilmu ini sebagai ilmu fardu ain yang menjadi kewajipan kepada setiap muslim untuk mempelajari dan mengamalkannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Dzariyat, ayat 56 bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

Tahap keimanan setiap manusia diuji kepada Allah SWT yang akan menentukan kedudukannya di akhirat kelak. Firman-Nya dalam surah al-Taghabun, ayat 11: bermaksud: *“Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”*

Setiap manusia perlu mempersiapkan diri dengan bekalan amalan menuju akhirat.

Firman Allah SWT bermaksud: *“Wahai orang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan*

suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.” (Surah Al-Hasyr, ayat 18)

Ayat itu menyarankan setiap Mukmin menilai persediaan yang dilakukan menuju akhirat.

Imam at-Tirmizi meriwayatkan hadis bermaksud: “Orang yang cerdas (yang berakal) ialah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, sedangkan orang yang lemah (imannya) adalah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya).” (Riwayat al-Tirmizi)

Hayati juga pesanan Saidina ‘Umar bin al-Khattab RA bermaksud:

“Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisabkan dan persiapkanlah diri kamu untuk hari perhitungan yang besar di hadapan Allah SWT Yang Maha Agung kerana perhitungan seseorang kamu akan menjadi ringan di akhirat nanti bagi seseorang yang sentiasa menghisab dirinya ketika di dunia.”

Seluruh dunia kini sedang menghadapi penularan pandemik virus COVID-19. Wabak ini suatu musibah yang dahsyat yang belum pernah disaksikan berlaku sepanjang sejarah kehidupan manusia. Dalam menghadapi sesuatu musibah, kita perlu memuhasabah diri kerana sesuatu perkara yang berlaku sudah pasti ada hikmah yang diketahui Allah SWT jua.

Allah SWT telah menetapkan apa yang dikehendaki-Nya berlaku kepada makhluk ciptaan-Nya. Tidak akan terjadi

sesuatu perkara melainkan dengan ketetapan (qadar) dan ketentuan (qada') Allah SWT. Setiap yang berlaku di bawah pengetahuan Allah SWT semenjak dari azali lagi. Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am, ayat 59 bermaksud: "Dan tidak gugur sehelai daun kering, melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering pun melainkan (semuanya) tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata." Ketetapan takdir (al-qadr) yang baik dan buruk itu, kesemuanya datang dari Allah SWT. Firman-Nya, dalam surah al-Qamar, ayat 49, bermaksud: "Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)."

Inilah sudut pandang Islam dan Ahli Sunnah wal Jamaah pada isu wabak virus COVID-19. Justeru, COVID-19 sewajarnya ditangani melalui dimensi ini. Maka marilah kita kembali kepada pegangan akidah kita yang sahih, mengukuhkannya dan mengambil langkah yang tepat dalam menghadapi COVID-19 dengan cara mengambil dan mempraktiskan semua kaedah menanganinya dan pada masa sama, kita berserah kepada Tuhan yang menciptakan segala sebab musabab, di samping kita bertawakal dan menaruh keyakinan sepenuhnya bahawa Allah SWT akan mengangkat wabak ini.

Pendekatan dan keyakinan serta keimanan kepada qada' dan qadar merupakan kewajipan seseorang Muslim dan salah satu daripada rukun iman. Kita hendaklah beriman bahawa Allah SWT telah mengetahui semenjak azali (Luh Mahfuz) berkaitan semua perbuatan manusia dan berhubung semua makhluk ciptaan-Nya. Kesemuanya telah ditetapkan sejak dari azali di bawah pengetahuan, kehendak dan kuasa Allah SWT sepenuhnya. Kita juga wajib beriman bahawa Allah SWT hanya mewujudkan sesuatu makhluk selari dengan ketetapan

yang telah ditentukan dalam pengetahuan-Nya. Kita dijadikan untuk mengabdikan diri sebagai hamba-Nya.

Usaha dan Ikhtiar

Mengapakah seseorang diperintahkan berusaha sedangkan sesuatu perkara telah diatur oleh Allah SWT dalam kehidupannya di dunia ini seperti mendapatkan rawatan, serta melaksanakan kebaikan dan pengislahan. Kita juga turut dituntut melaksanakan perkara yang diredhai Allah SWT seperti beribadah dan melakukan amal soleh.

Pada hakikatnya, kita hendaklah berusaha melakukan semua usaha dan mengambil segala sebab musabab. Hal ini tidak bermaksud seseorang menafikan keimanannya dengan ketentuan Allah SWT (*al-qadr*), bahkan usaha dan sebab musabab itu sendiri merupakan sebahagian daripada ketentuan dan suruhan Allah SWT untuk manusia. Semasa hidupnya Rasulullah SAW mengambil semua sebab musabab dalam menjalani kehidupannya. Pada masa yang sama, baginda beriman dengan ketentuan baik dan buruk Allah SWT hubungan antara beriman kepada ketentuan Allah SWT dengan berusaha melaksanakan semua sebab musabab tidak sesekali terpisah antara satu sama lain. Dalam Islam atau dari sudut fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

Rasulullah SAW telah bersabda: "Sekiranya kamu mendengar wabak taun menimpa sesuatu tempat di muka bumi, jangan sesekali kamu pergi kepadanya. Sekiranya ia menimpa di tempat di mana kamu berada, maka jangan kamu keluar lari meninggalkannya." (Riwayat al-Bukhari) Hadith ini dengan jelas memberi petunjuk kepada kita bahawa sekiranya berlaku penularan wabak taun (merupakan antara wabak yang bahaya pernah menimpa permukaan bumi), tidak diharuskan bagi mereka yang berada

di luarnya untuk masuk kepadanya ini kerana perbuatan tersebut bererti mencampakkan diri kepada kebinasaan. Tidak diharuskan juga bagi mereka yang berada di dalam kawasan wabak untuk meninggalkannya kerana ia akan menjadi sebab kepada penyebaran wabak di luarnya.

Berdasarkan hadith tersebut, dari aspek panduan menangani penularan wabak, sesuatu penularan wabak kepada orang lain dapat dicegah dengan cara mengawal dan mencegah. Berdasarkan perkara tersebut, dapat ditegaskan bahawa beriman dengan ketentuan *al-qadar* adalah satu perkara, sedangkan melakukan semua usaha pencegahan pula adalah satu perkara yang berlainan. Maka tuntutan beriman dengan ketentuan *al-qadar* adalah suatu kewajipan, dan pada masa yang sama, tuntutan melaksanakan segala usaha juga adalah kewajipan yang perlu dilakukan oleh seorang hamba Allah SWT. Melakukan usaha dan ikhtiar merupakan kesan daripada beriman dengan ketentuan Allah SWT.

Justeru, apa yang dilaksanakan oleh negara dalam merangka prosedur standard operasi (SOP) dan arahan-arahan tertentu dari semasa ke semasa, kesemuanya termasuk dalam mengambil semua sebab untuk keselamatan yang mana langkah-langkah sedemikian adalah perlu bagi mengekang penularan wabak selaras dengan nasihat pakar perubatan dan pemerintah (*Ulil Amri*).

Perkara seterusnya, mengapakah Allah menjadikan ujian dan wabak seumpama virus Covid-19 ini, sedangkan Allah SWT sesekali tidak akan menzalimi makhluk-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam surah Ali Imram, ayat 108, bermaksud; “Dan (ingatlah), Allah tidak berkehendak melakukan kezaliman kepada sekalian makhluk-Nya.” Demikian juga disebutkan dalam sebuah hadith al-Qudsi bermaksud: “Wahai hamba-

ku, sesungguhnya Aku mengharamkan kezaliman ke atas diri-Ku....” Kesusahan dan musibah yang berlaku sebagaimana disaksikan seolah-olah bertentangan sama sekali dengan apa yang ada pada sifat rahmah dan penyayang Allah SWT terhadap hamba-Nya.

Kita perlu mengetahui bahawa baik dan buruk hanya dinisbahkan kepada manusia. Sekiranya dinisbahkan kepada Allah SWT, kesemua ketentuan (*al-Qadar*) adalah baik, kerana Allah SWT tidak menjadikan sesuatu makhluk melainkan kerana rahmah dan hikmah yang tertentu.

Pada hakikatnya, setiap ketetapan adalah kebaikan yang Allah SWT berikan buat manusia, bagi menguji dan mencuba mereka agar mereka menjadi hamba-Nya yang sabar, di mana dengan itu, darjat mereka akan diangkat oleh Allah SWT. Kadangkala ujian dan cobaan itu adalah untuk memperbetulkan manusia dan mendorong mereka untuk bertaubat dan memohon keampunan, seterusnya melakukan perkara-perkara yang diredhai Allah SWT. Demikianlah maksud firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 216 bermaksud: Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu, padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”

Ujian dan cubaan merupakan sebahagian daripada sunnatullah di muka bumi ini. Boleh jadi apa yang dilihat sebagai buruk oleh manusia, pada realiti sebenarnya ia merupakan suatu sebab kepada seseorang memperoleh rahmat Allah SWT, apabila mereka berusaha menghadapi ujian sebaik mungkin dengan bersabar dan melakukan amal soleh. Ketika Allah SWT menguji seseorang dengan sesuatu yang tidak ingininya, pada saat itu juga, telah membukakan kepada

mereka pintu-pintu rahmat dan kebaikan di sebalik ujian yang diberikan.

Allah SWT telah menyediakan buat mereka yang ditimpa sakit untuk memperolehi pahala kerana bersabar. Bagi yang meninggal dunia kerana COVID-19, mereka diberikan pahala mati syahid. Bagi petugas-petugas yang berusaha menangani wabak pula akan diberikan pahala sedekah kerana tolong menolong untuk kebaikan, manakala untuk manusia keseluruhannya pula, mereka akan diganjar pahala kerana berdoa dan kerana kesungguhan mereka menjaga kesihatan diri, keluarga dan orang lain. Inilah maksud sebenar dalam pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang menyebutkan: “Ketentuan baik dan buruk kesemuanya dari Allah SWT.”

Dari sudut yang lain, musibah pada hakikatnya adalah kesan daripada perbuatan manusia yang senantiasa membuat kerosakan dalam kehidupan mereka, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 41:

Maksudnya: *“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

Musibah juga bagi mengingatkan manusia agar bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. Ia merupakan antara jenis balasan yang disegerakan agar seseorang mukmin dapat kembali kepada Tuhannya, mengakui kesilapan dan bangkit semula daripada kelalaiannya, sebagaimana firman Allah SWT dalam kitab-Nya yang mulia bermaksud:

“Maka Kami seksakan mereka dengan kebuluran dan penyakit,

supaya mereka berdoa (kepada Kami) dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat).” (Surah al-An’am, ayat 42).

Apabila seorang mukmin apabila diuji, mereka akan bersabar dan ingat mereka dosa-dosa yang telah dikerjakan. Justeru, mereka akan bertaubat kepada Allah SWT dengan penuh tawaduk, mengharapkan keampunan daripada-Nya, dan dalam pada masa yang sama akan mendekati diri kepada-Nya.

Perbuatan ini akan menjadi sebab untuk Allah SWT menyelamatkannya daripada musibah yang dihadapi dan menjadi sebab pengampunan segala (dosa) yang ada pada dirinya. Ia akan menjadi penyebab kepada darjatnya diangkat di sisi Allah SWT, sebagaimana dinyatakan dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abi Sa’id al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA di mana mereka berdoa telah mendengar Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

“Tidaklah seorang Mukmin yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kecelakaan dan kesedihan, sehinggakan dukacita yang membelenggunya, melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya.”

Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT, di samping sentiasalah mematuhi arahan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa (*Ulil Amri*). Berdoa dan bermunajatlah kepada Allah SWT kerana Dia telah berfirman bermaksud: *“Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.”* (Surah Ghaafir, 40:60)

Banyakkanlah istighfar, zikir, dan selawat ke atas Nabi SAW sebagai wasilah utama dan dengan berkat junjungan agung Rasulullah SAW. Firman Allah SWT bermaksud: *“...dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya).”* (Surah alAnkabut 29: 45)

Allah SWT melarang perbuatan yang mendedahkan diri kita kepada kemudaratan. Firman-Nya bermaksud: “...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri dalam bahaya kebinasaan”. (Surah al-Baqarah, 2:195)

Sekiranya diuji dengan virus COVID-19, senantiasalah bersikap positif dan bersangka baik terhadap Allah SWT. Semua yang ditentukan Allah SWT ada kebaikan dan hikmah tertentu, sama ada kita sedari atau sebaliknya. Musibah adalah penghapus dosa. Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

“Musibah (ujian) tidak akan berhenti menimpa seseorang hamba sehingga dia berjalan di atas muka bumi dengan tidak mempunyai dosa.” (Riwayat al-Tirmizi: 2398)

Ujian ialah tanda kasih sayang Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: “*Apabila Allah SWT mengasihi sesuatu kaum, maka Dia akan mendatangkan ujian kepada mereka.*” (Riwayat al-Tirmizi) *Dalam surah al-Mulk, ayat:2, Allah SWT berfirman bermaksud:.) Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun (bagi orang-orang yang bertaubat).*”

Dalam perkembangan terkini, vaksin disuntik kepada masyarakat bagi mengawal dan mencegah virus. Vaksinasi menguatkan imuniti tubuh seseorang bagi mencegah penularan Covid-19 dalam kalangan masyarakat. Sebagaimana diputuskan dalam fatwa-fatwa luar negara dan Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam hukumnya adalah harus. Ini merupakan suatu usaha dan ikhtiar, di samping pematuhan kepada panduan dan arahan semasa *ulil amri*, kita juga wajar sentiasa memperbanyakkan

amalan kerohanian, berselawat kepada Rasulullah SAW, berzikir dan bermunajat kepada Allah SWT.

Usaha-usaha ini merupakan pendekatan Ahli Sunnah wal Jamaah dan menepati kerangka dan kehendak maqasid Syariah. Inilah perspektif Ahli Sunnah wal Jamaah dan pendekatan Islam terhadap wabak virus (COVID-19) berdasarkan kefahaman dan panduan agama. Apabila kefahaman Ahli Sunnah wal Jamaah yang sah diterapkan dengan penghayatan yang baik, pegangan tersebut akan memacu kepada tindakan yang betul serta memahami aulawiyat terhadap apa jua keadaan dalam menjalani kehidupan duniawi.

Pendekatan ASWJ seumpama Covid-19 termasuk dalam ketetapan Allah SWT jua. Ia suatu sunnatullah yang berkait asbab dan musabab serta tawakal. Justerum, tidak boleh pasrah dan redha dengan takdir sahaja, tetapi konsep usaha dan ikhtiar perlu digerakkan dalam membendung pandemik Covid-19. Kiamat sudah pasti akan tiba, namun yang penting ialah persediaan dan amalan yang dituntut oleh agama bagi kehidupan duniawi dan ukhrawi. Perkara ini bertepatan dengan perspektif Islam dan pegangan Ahli sunnah wal Jamaah. Sesuatu musibah ada hikmah yang hanya diketahui oleh Allah SWT jua. **SR**

TABAYYUN MENDEPANI KLUSTER “SHARE AJELAH”

Dr. Muhamad Faisal Ashaari
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Pada asasnya maklumat yang bersifat fitnah tidak disenangi oleh ramai pihak kerana ia membawa keburukan kepada diri dan masyarakat. Namun, sedarkah anda bahawa maklumat fitnah inilah yang mudah tersebar? Ini kerana emosi masyarakat lebih mudah tersentak apabila menerima maklumat palsu. Maklumat seperti ini memang mempunyai elemen yang menarik kerana ia telah ditokok tambah untuk menarik emosi dan perhatian. Walaupun mungkin cerita asalnya betul, tetapi tokok tambah yang dilakukan itu telah menyebabkan ceritanya telah berubah. Daripada cerita biasa menjadi cerita luar biasa.

Unsur palsu dan tokok tambah sebagai rempah ratus kepada sesuatu berita dan maklumat menjadikannya lebih mudah dipercayai berbanding maklumat yang betul. Pembaca terkebil biji mata apabila membaca tajuk berita 10 orang sudah dijangkiti virus Covid-19 di kampungnya, sedangkan ia merupakan maklumat palsu sahaja. Hal ini berdasarkan maklumat yang diterima bahawa ada ambulans masuk ke kampungnya sedangkan ambulans itu datang mengambil orang sakit bersalin. Lalu dia menulis dalam media sosial dan akhirnya tersebar suatu berita palsu.

Perkara ini lahir dari sikap gopoh memberikan reaksi terhadap sesuatu perkara dan tidak membuat *tabayyun* atau semakan terhadap maklumat yang diterima. Sebagai contoh, jemaah yang datang ke masjid untuk solat Jumaat naik berang dengan pihak keselamatan masjid

yang tidak membenarkan jemaah masuk kawasan masjid selepas jam 12.45 tengah malam kerana telah cukup kuota 300 orang. Namun, ada sebuah kereta masuk ke kawasan masjid yang dibenarkan pihak keselamatan. Isu ini menjadi heboh dan persepsi negatif tersebar kononnya unit keselamatan pilih kasih. Hal ini berpunca dari seorang ahli kariah yang mengambil gambar situasi itu dan menyebarkannya sambil memberikan komen “AJK pilih kasih”, sedangkan kereta yang masuk itu ialah kereta isteri imam yang mengambil anak sekolah dan mereka tinggal di kuarters masjid. Kalau tidak ada sifat gelojoh dan gopoh dalam membuat hantaran atau *posting* dihalaman media sosial, keadaan lebih harmoni dan saling faham memahami.

Media baharu dan populariti

Dalam media baharu, pengguna biasanya



bukan sekadar mengharapkan hantaran (*posting*) dilihat, bahkan dikongsi (*share*) dan diberikan komen. Fenomena ini secara tidak langsung boleh menaikkan nama seseorang dan menjadikannya popular. Memang populariti dan media sosial tidak dapat dipisahkan kerana sesuatu maklumat yang disebarkan itu diharapkan dapat dicapai oleh ramai orang. Maka, seseorang itu perlu menjadi popular supaya hantarannya (*posting*) tersebar luas dan merata. Dengan ini, ada sesetengah pihak yang sengaja mencari maklumat yang tidak sah dan tidak pasti malahan maklumat yang palsu untuk menjadi reneh dimuat naik di media sosial semata-mata untuk menarik publisiti murahan.

Fenomena hantaran (*posting*) yang mengandungi tulisan, gambar dan video pelik dan luar biasa memang biasa dijumpai dalam media sosial. Ia mungkin dilakukan secara tidak sengaja, tetapi dalam banyak keadaan dilakukan secara sengaja (membuat *posting* yang ganjil (*rare*)) supaya mendapat capaian yang tinggi. Dalam Islam, tidak ada halangan untuk berbuat demikian kerana ia adalah perkara yang harus asalkan tidak melibatkan perkara yang haram dan keterlaluan. Sekiranya ia merupakan perkara yang haram dan bertentangan dengan akhlak Islam, maka ia tidak wajar dilakukan.

Lebih daripada itu, memang ada sesetengah pihak yang sengaja memuat naik hantaran bersumberkan berita dan maklumat yang tidak pasti malahan palsu untuk menaikkan *rating* laman sesawang dan laman sosial mereka. Capaian yang tinggi boleh menjana pendapatan yang diberikan oleh penyedia laman berkenaan. Selain itu, ada juga yang sengaja menyebarkan maklumat tidak pasti dan palsu untuk tujuan propaganda politik atau menjatuhkan perniagaan pesaingnya. Dengan kata lain, maklumat palsu merupakan maklumat



sampah, tetapi bagi sesetengah orang, ia merupakan maklumat bernilai yang menghasilkan pendapatan dan pulangan tertentu.

Nilai maklumat telah berubah kerana ukuran kualiti maklumat bukan lagi benar atau salah, tetapi diukur sama ada ia tersebar atau sebaliknya. Sekiranya tersebar, maklumat tersebut dianggap bernilai kerana keluasan tahap *readership* biarpun palsu manakala maklumat yang benar itu bernilai rendah sekiranya tidak meluas capaiannya. Inilah yang disebut sebagai fitnah maklumat di akhir zaman.

Mangsa

Berdasarkan fenomena di atas, terdapat individu yang suka menyebarkan maklumat yang belum pasti dan mungkin ianya palsu. Mereka merupakan mangsa dalam keadaan tidak sedar dan memangsakan orang lain pula. Kita bersimpati kepada mereka yang menjadi mangsa. Secara umumnya, terdapat tiga pembahagian pengguna yang terjebak dengan sikap berkongsi maklumat iaitu:

1. Pengguna yang sangat suka menyebarkan: Biasanya kelompok ini terdiri daripada mereka yang berusia. Mungkin mereka mudah teruja

- dengan maklumat yang mencuit emosi sehingga terjebak berkongsi maklumat yang tidak pasti. Malahan mereka mungkin tidak membaca pun maklumat yang dikongsikan itu;
2. Pengguna yang menyebar: Kelompok ini merupakan golongan kebanyakan yang biasa terkesan dengan isu-isu viral dan panas sama ada dipanaskan secara sengaja atau sebaliknya. Isu yang panas tidak semestinya penting tetapi ia telah menjadi tumpuan mereka yang akhirnya mendedahkan mereka kepada propaganda dan manipulasi pihak tertentu; dan
 3. Pengguna yang tidak suka menyebar: Kelompok ini terdiri daripada generasi remaja dan kebanyakan mereka didapati hanyut dalam dunia masing-masing. Mereka kurang berminat dengan isu-isu semasa dan mereka sudah terbiasa dengan perkara *rare* yang sering dilihat dalam media sosial terutamanya Instagram dan TikTok.

Mereka yang seringkali terlibat dengan sikap suka berkongsi maklumat tidak pasti ini dinamakan kluster "*share ajelah*". Gopoh dan gelojoh dalam menyebarkan maklumat menandakan sel otak orang tersebut tidak sempat bersambung. Dia sepatutnya berfikir secara waras dan menimbangankan dari segenap sudut. Sebaliknya emosi mengatasi rasional dan jari bergerak lebih pantas daripada otak. Bukan sekadar berkongsi, tetapi dia membuat komen di media sosial pada perkara yang tidak perlu. Sebaik-baiknya dia berdiam diri dari meluahkan kata-kata yang akan membawa padah kepada diri sendiri dan juga masyarakat.

Tabayyun

Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan *tabayyun* jika berita itu datang dari orang fasiq. Sifat *al-fusuq* yang

ada pada seseorang itu menyebabkannya hilang sabar dengan tuntutan hawa nafsu dan kurang amanah. Ini mendorong mereka menokok tambah dan manipulasi maklumat, atau memberikan kesamaran terhadap maklumat yang sedia ada. Sungguhpun bukan semua mereka bersifat demikian, tetapi sifat berhati-hati dengan mereka perlu ada dalam kalangan orang Islam. Termasuk dalam pengertian fasiq ialah maklumat yang datang dari media sosial kerana maklumat tersebut bercampur-campur antara yang betul, palsu, separuh betul dan separuh palsu. Ini merupakan fenomena dalam media sosial kerana tidak tiada siapa yang dapat mengawal setiap maklumat yang disebarkan.

Walau bagaimanapun, bukanlah semua maklumat di media sosial itu tidak boleh dipercayai dan tidak boleh disebarkan. Namun sebelum menyebarkan sesuatu maklumat, beberapa perlu diambil perhatian. Antaranya, identiti penulis artikel, sumber yang diambil, cara maklumat itu dipersembahkan, tahap kepentingan isu yang diperkatakan, serta kesan maklumat kepada diri dan masyarakat. Semua perkara ini perlu dipertimbangkan dengan rasional dan waras supaya ketetapan yang diambil itu betul dan tepat. Dengan ini kita dapat mengelak dari terjebak dengan kluster "*share ajelah*".

Ringkasnya, keberadaan dalam persekitaran baharu memerlukan kepada kebijaksanaan dalam mengurus diri dan maklumat. Hidup dalam persekitaran ini bagaikan berada dalam dua alam iaitu alam yang nampak dan alam yang tidak nampak iaitu alam maya. Alam semakin luas dan banyak perkara memerlukan pemerhatian yang teliti dan mengambil kira semua pihak, bukannya gelojoh dan gopoh membuat keputusan termasuklah berkongsi (*share*) maklumat di alam maya. **SR**

DAKWAH ERA PANDEMIK

Mohd Hariri bin Mohamad Daud

Tidak pernah digambarkan oleh sesiapa bahawa perubahan dunia kepada kebiasaan baharu berlaku pada tahun yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia, tahun yang dicanang sebagai Malaysia Maju 2020. Era pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan kepada pelbagai aspek termasuk aspek dakwah. Dakwah tidak boleh lagi dilakukan secara bersemuka kerana masyarakat tidak (sewenangnya) dibenarkan untuk keluar rumah. Masjid juga ditutup demi menjaga keselamatan dan kesihatan masyarakat. Masyarakat tidak dibenarkan menghadiri ceramah atau kuliah kerana aktiviti yang melibatkan jemaah yang berkumpul dalam bilangan yang ramai pada satu tempat dilarang ketika situasi pandemik COVID-19 ini.

Asas kepada tuntutan dakwah tetap sama-sama ada, ketika pandemik ataupun luar pandemik. Isi dan penyampaiannya tidak lain dan tidak bukan pada ayat di dalam surah al-Nahl, ayat 125 yang bermaksud :

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Dakwah Gaya Baharu

Pada asasnya, Nabi Muhammad SAW menggunakan pelbagai media dakwah yang ada pada zaman baginda untuk menyampaikan mesej Islam, iaitu

melalui khutbah, syair, pidato di tempat-tempat awam seperti pasar, tulisan dan surat kepada pembesar, penghantaran duta-duta dakwah, pengintipan serta peperangan dan sebagainya. Tujuannya semata-mata untuk menyampaikan mesej Islam.

Para pendakwah sudah menerima hakikat bahawa rentak dan pencak untuk berdakwah sudah berubah, terutamanya untuk memenuhi selera generasi baharu yang disebut sebagai generasi Y dan Generasi Z. Generasi yang lahir dengan teknologi sudah ada dan mereka berkomunikasi menggunakan teknologi. Sumber data Hootsuite dan Youtube ialah laman paling diminati oleh pelayar-pelayar internet di Malaysia, terutamanya generasi muda.

#	WEBSITE	CATEGORY	MONTHLY TRAFFIC	TIME PER VISIT	PAGES PER VISIT
01	GOOGLE.COM	SEARCH	46,100,000	0'04 431	8.8
02	YOUTUBE.COM	TV & VIDEO	37,900,000	25'4 101	10.9
03	FACEBOOK.COM	SOCIAL	163,300,000	1'04 325	10.8
04	WHATSAPP.COM	COMMUNICATION	38,000,000	0'24 035	1.8
05	YAHOO.COM	NEWS	32,100,000	0'44 281	4.0
06	MYRIBAZIL.COM.MY	FINANCE	31,300,000	0'44 381	12.7
07	WORLDIA.ORG	REFERENCE	26,700,000	0'04 321	2.9
08	GOOGLE.COM.MY	SEARCH	25,100,000	0'44 571	9.8
09	LAZADA.COM.MY	SHOPPING	23,700,000	0'04 281	10.1
10	TWITTER.COM	SOCIAL	22,800,000	1'04 145	10.0

Pada era kini, ceramah-ceramah agama di masjid mahupun di surau yang boleh diikuti secara *live* melalui pelbagai aplikasi telah menambat hati generasi baharu untuk memahami agama. Bahkan tontonan video-video kuliah atau video dakwah kreatif mencapai tontonan antara 100 ribu hingga satu juta penonton. Ada juga para pendakwah membuka kelas *Talaqqi* dan mengajar kitab-kitab *Turath secara online* melalui aplikasi-aplikasi terkini.

Bil.	Aplikasi	Ciri-ciri
1	Google Meet	Aplikasi yang paling sesuai untuk mesyuarat secara <i>online</i> dengan meluas dan selamat.
2	Zoom	Zoom memiliki banyak menu seperti <i>share screen</i> , menampilkan <i>slide presentation</i> atau dokumen. Aplikasi ini dapat menampung hingga 100 orang.
3	Streamyard	Streamyard boleh melibatkan penonton Facebook, atau YouTube Live dan boleh berinteraksi lebih daripada seorang dan memantau komen penonton.
4	OBS	OBS Studio ialah rangkaian perisian sumber terbuka dan percuma untuk rakaman dan <i>live streaming</i> .
5	Wirecast	Wirecast ialah alat pengeluaran <i>streaming</i> video langsung oleh Telestream dan boleh membuat siaran langsung.

Aplikasi Terkini untuk Manfaat Dakwah Pengaruh Budaya Viral dalam Dakwah

Ketika ditemu bual oleh Abdallah Schleifer, editor kanan Transnational Broadcasting Studies (TBS) pada 17 Oktober 2004, Prof Dr. Yusof Al-Qaradhawi menceritakan pengalamannya berdakwah di media eletronik. Ketika beliau datang berceramah di Algeria ketika kebangkitan Islam memuncak, jumlah yang hadir seramai 200 ribu orang. Namun jemaah yang hadir masih terhad kepada orang Algeria dan sekitarnya tetapi kemunculannya berceramah di TV Al-Jazeera boleh ditonton jutaan orang serta merentas geografi negara.

Menyampaikan sesuatu perkara secara meluas atau disebut sebagai viral telah pun dilaksanakan oleh Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah Wada' di padang arafah sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadith riwayat al-Bukhari yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mendengar ucapanku menyampaikannya pula kepada orang lain. Semoga yang terakhir lebih memahami kata-kataku daripada mereka yang mendengar terus dariku”.

Semakin ramai orang yang menonton video dakwah, maka semakin



berterusanlah dakwah yang disampaikan. Bukan populariti yang dikejar, tetapi pahala jariah yang mengalir umpama air sungai yang dapat memberi manfaat kepada orang yang mengambil air tersebut untuk keperluan hidup. Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda bermaksud:

“Sesiapa yang mengajak ke jalan mengerjakan sesuatu kebaikan, baginya pahala sebanyak pahala orang yang menurutnya, dengan tidak mengurangi sedikit pun pahala itu dari pahala-pahala mereka dan (sebaliknya) sesiapa yang mengajak ke jalan mengerjakan kesesatan, dia menanggung dosa orang-orang yang menurutnya dengan tidak mengurangi sedikitpun dosa itu dan dosa-dosa mereka”. SR

Covid-19 - Konspirasi

Nor Husna Mohd Rosli

Dua beranak itu duduk bersila di hadapan ruang tamu. Televisyen terpasang tapi masing-masing sibuk menatal telefon bimbit sementara menanti iklan tamat. Dari dapur, kelihatan seorang wanita manis berbaju kurung berjalan sambil menatang dulang berisi cawan. Air teh dituang cermat untuk si suami dan bapa mertuanya.

“Minum dulu, abang... abah,” ucapnya. Dia tersenyum melihat ibu mertuanya, Halimah baru keluar dari dapur dengan sepinggan kuih. Halimah menggeleng-geleng melihat gelagat suami dan anaknya itu.

“Dah boleh letak tepi sekejap kot telefon bimbit tu...” sindir Halimah.

Dengar sahaja ayat itu, mereka berdua terus tersengih-sengih. Telefon bimbit diletak di karpet. Usai lafaz doa makan, mereka duduk bersama-sama menikmati beraneka jenis kuih yang dibawa.

Hari ini hari minggu. Farhan baru sempat mengajak isterinya, Sarah untuk menziarahi ibu bapanya hari ini. Sedang Farhan asyik mengunyah donat, tiba-tiba, notifikasi WhatsApp berbunyi. Ada mesej baru diterima.

“Ayah?”

“Ya, ayah tengah baca sekarang.”

Usai beberapa minit merenung skrin telefon, baru ayahnya, Karim bersuara. “Tengok ni apa dia tulis. Terbukti, dalam vaksin ni ada bakteria nak bagi kita jatuh sakit. Ni semua agenda Yahudi! Dia orang nak kita semua, keturunan Nabi Adam mati! Itu pun kerajaan nak paksa juga rakyat kena suntik vaksin. Ha, ini yang kita dapat tahu. Entah apa lagi la yang ada dalam vaksin Yahudi tu!” marah Karim.

“Itulah, ayah. Ingat kita bodoh, kot?” balas Farhan. “Vaksin ni boleh menyebabkan anak kita autism. Agenda

Yahudi la tu nak buat anak kita cacat,” cemuh Farhan pula.

Sarah dan Halimah sekadar mampu menggeleng kepala sahaja melihat perangai mereka berdua. Bukan tidak nasihat. Sudah berbuih mulut mereka berpesan, membetulkan fahaman mereka berkenaan vaksin.

Halimah dan Karim baru sahaja pencen daripada pekerjaan sebagai guru di sebuah sekolah rendah. Ironinya, guru itu terpelajar dan biasa mengutamakan fakta dalam pengajaran mereka. Tapi Karim sendiri yang mula terjebak dengan kumpulan antivaksin dan mempengaruhi anak lelakinya itu pula.

Semuanya bermula daripada sebuah video daripada kumpulan WhatsApp yang pernah diterima. Sejak dari itu, dia sudah mula mengikuti laman Facebook kumpulan antivaksin. Farhanlah tempat dia bercerita tentang diskusi dan info baru yang diterima di laman Facebook antivaksin itu.

Dulu Sarah ada juga menegur suaminya. Namun setelah insiden suaminya tertinggi suara memarahinya, dia lebih memilih untuk senyap. Dia tidak mahu isu vaksin menjadi punca mereka suami isteri bertekak lidah. Lagipun dia sedang mengandung anak pertama mereka sekarang. Dia tidak mahu terbawa emosi.

Selesai solat Isyak, Sarah melipat telekung dan berehat sebentar di atas katil. Penat bekerja seharian di pejabat. Ketika itulah dia menerima berita buruk. Sahabat baiknya baru dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 di MAEPS, Serdang.



Mujur keadaannya stabil.

“Bahaya betul sekarang, abang. Virus COVID ni dah berada dalam komuniti kita. Bila-bila masa sahaja boleh ada risiko dijangkiti.”

“Hmm...” balas Farhan malas. Dia leka menatap telefon bimbitnya lagi.

“Abang, kerajaan akan mula beri vaksin kan? Kita suntik vaksin, ya?”

Soalan itu dibiarkannya tergantung. Sengaja.

“Dengar tak saya cakap ni?”

“Ya, ya... Kan kita dah bincang tentang ni. Saya tetap dengan keputusan saya,” tegas Farhan. Dia membetulkan bantal di belakangnya.

“Abang, COVID ni bukan benda main. Dah ramai orang meninggal dunia sebab jangkitan COVID. Apa yang abang dengar tu tak ada bukti saintifik pun. Semuanya spekulasi. Ditokok tambah oleh mulut-mulut orang. Doktor sendiri dah beritahu, vaksin ni boleh kurangkan risiko terkena penyakit berjangkit. Membantu imunitisasi badan kita untuk hasilkan antibodi. Bukan buat kita sakit,” terang Sarah panjang lebar.

“Dalam vaksin tu ada kuman!” bentak Farhan.

“Kuman yang dilemahkan, abang. Untuk bagi badan kita hasilkan antibodi sahaja.”

“Ah! Awak apa tahu? Saya lagi banyak membaca. Lagipun, dalam vaksin tu ada cip nano, tahu tak? Yahudi tu nak kesan kedudukan kita.”

“Astaghfirullahalazim...” Sarah memicit dahi. “Mana ada cip nano yang boleh tembus melalui kulit. Cip tu pun mana muat nak masuk dalam jarum suntikan tu. Lagipun kalaulah orang Yahudi nak sangat kesan kedudukan kita, tak perlu guna cip. Media sosial yang abang guna tu pun dah cukup banyak maklumat boleh dapat.”

Berang, Farhan menghempas telefon bimbit

di atas tilam. Dia mengalihkan badan menghadap Sarah. Sabarnya sudah hilang.

“Berani melawan, ya? Selagi aku hidup, jangan harap vaksin tu nak masuk dalam badan aku! Lebih baik aku mati daripada masuk dalam perangkap Yahudi laknatullah tu!”

“Abang!” Sarah mengetap bibir. Air matanya bergenang. Patah ayat seterusnya keluar dengan suara yang serak.

“Kalau abang tak pedulikan nyawa abang, tak kisahkan saya, satu je saya minta. Fikir anak, abang. Anak dalam perut saya ni. Saya tak nak anak kita membesar tanpa ayah,” ucap Sarah. Dia mengusap perutnya yang semakin membesar. Dengan hati yang luluh, dia segera bangun dari katil dan keluar dari bilik tidur.

Farhan menjambak rambut. Dia berbaring, menghempaskan badannya ke katil. Wajahnya berbahang marah. Naik geram dia dengan isterinya itu.

‘Kenapa susah sangat dia nak faham niat baik aku? Vaksin, konon. Makan Vitamin C, madu, makanan sunnah pun dah boleh kuatkan antibodi. Tak perlu pun vaksin ni!’ desis hati kecilnya.

Farhan tutup lampu lalu terus memejamkan mata. Bantalnya ditarik mengalas kepala. Mahu tidur awal dan melupakan kata-kata Sarah yang menyiat jantungnya.

“Ah, biarlah. Semua ni cabaran untuk umat Islam. Takkan sebab pentingkan keluarga sahaja aku nak goyah. Aku kena kuat.” tuturnya demi untuk menyedapkan hati sendiri.

Sejak pertengkaran itu, Sarah sudah tidak menyebut lagi tentang vaksin. Pada minggu pertama sahaja dia bermasam muka. Mereka meneruskan hari-hari seperti biasa. Farhan menyibukkan harinya dengan tugas mengajar dan beberapa kertas kerja yang perlu diselesaikan. Sarah juga tekun menyelesaikan tugas pejabat dan



melayannya seperti rutin biasa. Keadaan tenang sahaja, sehinggalah satu panggilan daripada bapa saudaranya diterima.

“Assalamualaikum. Farhan, Pak Lang ni.”

“Walaikumussalam. Ya, ya.”

“Pak Lang telefon ni ada benda penting nak beritahu. Sebelum tu, nak pesan. Farhan tenang dulu ya?”

“Ada apa, Pak Lang? Cerita la.”

“Ayah kau... dia asma teruk. Mulanya mak kau ingat dia tak sihat biasa sahaja tapi lama-lama makin teruk keadaan dia. Mak kau yang telefon Pak Lang. Kami kat hospital sekarang. Baru tadi... doktor masukkan ke dalam wad ICU.”

“Allah...” Longgar lutut Farhan mendengar kata-kata Pak Lang. Dia segera duduk di atas kusyen. Telinganya berdesing. Seolah-olah apa yang sedang berlaku ini hanya permainan mindanya sahaja.

“Farhan?” Suara Pak Lang di telefon bimbit kembali menggegarkan gegendang telinga. Menarik dia kembali ke realiti.

“Doktor kata apa lagi? Ayah akan pulih, kan?”

Terdengar keluhan Pak Lang. “Mereka syak, ayah kau dijangkiti COVID.”

“Mak macam mana?” soal Farhan lagi.

“Mak kau positif juga. Tapi dia stabil. Jangan risau.”

Farhan menghela nafas panjang. Seluruh tubuhnya menggeletar.

“Istighfar banyak-banyak, Farhan. Minta doa pada Allah. Kau dengan Sarah kuarantin dulu di rumah, ikut SOP. Sabar ya? Tak apa, rehat dulu. Nanti Pak Lang telefon balik. Assalamualaikum.”

“Walaikumussalam...”

Sarah datang dari dapur. Senyumannya mengendur sebaik sahaja melihat wajah kusut suaminya.

“Sarah, ayah...” Air mata jantannya tumpah juga.



Sudah dua minggu ayahnya meninggal dunia. Farhan lebih banyak termenung, terutamanya ketika waktu petang. Terasa semua yang berlaku kepadanya bagaikan sebuah mimpi. Terlalu pantas masa berlalu. Seperti baru semalam dia menziarahi ayahnya di kampung.

Rupa-rupanya, ayah dan ibunya dijangkiti COVID-19 ketika menghadiri majlis kenduri sahabat mereka di Segamat. Sejak itulah mereka mula sakit-sakit.

Ayahnya ditempatkan di ICU tidak lama. Asmanya semakin teruk sehinggalah dia menghembuskan nafas yang terakhir. Pemergian ayahnya sangat menghibakan. Mereka sekeluarga tidak boleh memberi kucupan dan pelukan terakhir. Hanya beberapa orang keluarga dekat sahaja dibenarkan untuk hadir ke pengebumian dan perlu segera beredar.

Setelah orang tersayang dijemput Ilahi kerana virus ini, barulah Farhan sedar. Betapa virus ini begitu bahaya hingga mampu meragut nyawa. Baru dia mahu mula mendengar nasihat Sarah tentang perlunya vaksin untuk melindungi daripada jangkitan COVID-19. Dia juga mula menjauhkan diri daripada cerita karut marut tentang vaksin.

Baru matanya lebih terbuka kepada kebenaran. Mengambil vaksin itu penting untuk menyelamatkan keluarganya. Bukanlah sebaliknya.

“Abang...” Sarah melabuhkan punggung di sisinya. Dia mengusap lembut belakang suaminya itu.

“Kita ambil vaksin, Sarah,” tutur Farhan.

Sarah mengangguk-angguk. Dia mengesat tangis di tubir matanya sambil tersenyum memandangnya.

“Alhamdulillah...” **SR**

Fiqh Perkahwinan dalam Suasana Pandemik

Ustazah Mumtazah Sanusi
Jabatan Agama Islam Pulau Pinang

“Ustazah.. Pendapatan saya terjejas sebab Covid ni. Mungkin sebab itu isteri saya dah mula buat perangai. Banyak kali dia minta cerai! Saya buntu Ustazah, tolong saya.”

“Ya Allah, Ustazah. Suami saya dah pandai tengok benda-benda yang tak elok masa PKP ni. Memang dia selama ini pun asyik dengan handphone. Tapi ni dah melampau!”

“Saya dah tak tahan, Puan. PKP ni buat dia makin baran. Dah mula naik tangan, maki hamun saya. Saya dah sarat mengandung pula. Apa perlu saya buat?”

Begitulah sebahagian luahan konflik rumahtangga yang pernah penulis terima. Semenjak 18 Mac 2020, Malaysia telah melalui pelbagai fasa dalam usaha memutuskan rantaian wabak Covid-19. Kehadiran virus halus ini tidak kelihatan pada mata kasar, namun telah memberi implikasi yang sangat besar. Ada yang positif, tidak kurang juga yang negatif.

Pandemik Covid-19 bukan sekadar mengundang cabaran kepada sektor ekonomi global. Ia turut memberi impak yang bukan sedikit terhadap institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

Suami ‘Ustaz’, Isteri ‘Ustazah’

Kini sudah lebih setahun Malaysia dalam tempoh pandemik. Berkali-kali masjid dan surau terpaksa ditutup atau dihadkan kehadiran jemaah mengikut S.O.P demi S.O.P. Namun kekangan itu bukanlah alasan untuk menghalang umat Islam melakukan ibadah secara berjemaah.

Menariknya, kita melihat kehadiran para ustaz, imam dan bilal ‘segera’ yang dilantik secara tidak rasmi. Lunaknya si anak mengalunkan azan dan iqamah, manakala si ayah mengimamkan solat dengan penuh yakin. Lebih indah, ia

disusuli pula dengan tazkirah ringkas namun berbekas. Begitu juga kehadiran para khatib Jumaat, Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha yang muncul merata-rata. Setiap kali tiba waktu makan, mereka duduk bersantai menikmati juadah bersama-sama selepas penat ‘bersilat’ di dapur.

Subhanallah! Barangkali inilah hikmah di sebalik musibah. Keluarga seharmonis itu pasti menjadi impian setiap muslim. Fasa ‘*stay at home*’ menjadikan hubungan suami, isteri dan anak-anak yang mungkin dahulunya hambar, kembali harum mekar. Pasangan semakin mengenali hati budi. Kesibukan menjadi ‘guru’ pada si kecil sepanjang PdPR mereka, pasti menjadi momen yang amat memenangkan namun kekal dalam



memori.

Langit Tak Selalu Cerah

Kata Buya Hamka *“Kehidupan laksana lautan. Orang yang tiada berhati-hati dalam mengayuh perahu, memegang kemudi dan menjaga layar, maka karamlah ia digulung ombak dan gelombang.”* Benar, tidak semua manusia tertulis rezekinya sama. Fasa PKP juga menyaksikan konflik dan keganasan rumahtangga yang meruncing. Kecederaan dan kematian wanita dan kanak-kanak akibat didera, kenaikan kadar penceraian, masalah depresi hingga membunuh diri, isu pornografi dan pelbagai masalah sosial turut berlaku di sepanjang tempoh yang getir ini.

Para kaunselor rumahtangga berkongsi pengalaman dan menyimpulkan bahawa rata-rata kes sedemikian berlaku melibatkan golongan B40 yang sudah pun ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Covid-19 menjadikan hidup mereka lebih parah. Si pembantu kedai makan, pekerja kilang, yang bekerja sendiri dan berniaga secara kecil-kecilan, begitu tertekan dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil.

Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi emosi dan mental mereka hingga menjejaskan komunikasi lalu akhirnya mencetuskan perbalahan. Ditambah pula dengan kurangnya penghayatan agama, menyebabkan sebahagian daripada mereka cepat ‘panas’ dan menzahirkan amuk dan amarah pada anak dan pasangan. Bayangkan, di kota metropolitan seperti Kuala Lumpur pun, ada rumah pangsa yang terpaksa dihuni sehingga empat keluarga. Anak kecil yang tidak ke sekolah perlu diberi makan sedang ibu dan ayah sudah pun hilang sumber pendapatan.

Keadaan lebih buruk apabila Covid-19 turut menjangkiti ahli keluarga. Ada yang terpisah kerana diletakkan di

hospital atau pusat kuarantin berbeza. Ada si kecil yang terpaksa dijaga jiran. Malah ada anak yang menjadi yatim piatu sekelip mata akibat kehilangan ibu dan ayah serentak pada hari yang sama. Ini memberi tekanan yang hebat apatah lagi si mati adalah orang tersayang yang pergi tanpa dapat dilihat dan diurus buat kali terakhir.

Musibah Adalah Hadiah

Begitulah Allah memperlihatkan kekuasaan-Nya melalui saat senang dan sukar. Usah begitu asyik tika diulit bahagia, jangan terlalu runsing kala dirundung derita. Hakikatnya seluruh kehidupan kita ialah ujian. Berdamai dengan takdir melalui sifat sabar dan redha ialah benih yang bakal kita tuai hasilnya di negeri akhirat. Allah SWT merakamkan perihal ini dalam Surah al-Mulk, ayat 2 yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun”.

Ketika artikel ini ditulis, semua negeri di Malaysia masih lagi berada dalam zon merah. Covid-19 telah menjangkiti lebih 600,000 rakyat Malaysia, dan 174 juta penduduk dunia dengan 3.74 juta kematian setakat ini. Ramai yang telah pulih, namun tidak kurang juga yang telah pergi mengadap Ilahi dengan asbab yang sama.



Sama ada pernah dijangkiti atau tidak, kesemua kita adalah golongan terpilih. Iringilah setiap nikmat dengan kalimah Alhamdulillah. Syukur, aku negatif. Syukur, aku positif tanpa simptom. Syukur, suami berada lama di katil ICU, namun pulih selepas itu. Syukur, dia pergi dalam nikmat Iman dan Islam. Moga roh semua yang meninggal dunia kerana Covid tergolong dalam kalangan para syuhada.

Sesudah Kesukaran, Ada Kemudahan

Dengan berkat doa, usaha dan izin-Nya, kita pasti menang. Seluruh negara pasti akan kembali ke zon kuning, hijau dan seterusnya bebas dari wabak ini. Separuh wajah kita tidak lagi ditutup dengan pelitup muka. Kita boleh keluar masuk masjid, solat dan duduk dalam majlis ilmu dengan barisan yang rapat seperti biasa. Bahagiannya apabila dapat merentas negeri menziarahi, bertemu mata, bersalam dan memeluk orang tersayang. Insha-Allah, saat itu pasti datang.


Demikian juga diharapkan dalam setiap institusi rumahtangga. Semoga setiap ahlinya dapat bernaung dalam zon 'syurga dunia' yang selamat, saling menghormati dan menyantuni penuh taat. Sepertimana Surah al-Rum, ayat 21 menyebutkan tujuan utama perkahwinan adalah untuk mencari ketenangan (sakinah), memperoleh rahmah dan menghasilkan mawaddah (cinta dan kasih sayang):

“Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

TIPS MELAHIRAN RUMAHKU SYURAKU

1. Selesaikan setiap masalah dengan penuh hikmah dan bijaksana.
2. Berkomunikasi dengan baik dan sentiasa mengadakan 'syura' (perbincangan).
3. Setiap kali berlaku konflik, tafakkur atau muhasabah sisi-sisi berikut:
 - i. Ingat KEBAIKAN dan PENGORANAN pasangan masing-masing
 - ii. Ingat detik INDAH dan lafaz JANJI SETIA antara pasangan
 - iii. Buang sifat 'Awak salah' dan 'Saya betul'. Sebaiknya gantikan dengan ungkapan 'Maafkan saya' atau 'Mungkin ini salah saya'.
4. Sentiasa mengutamakan SOLAT BERJEMAAH dan SOLAT MALAM. Kekuatan '*Hablun min Allah*' (hubungan dengan Allah) akan mengukuhkan ikatan kekeluargaan.
5. Mengambil IKTIBAR atau IBRAH dari pasangan lain.

Yang baik dijadikan sempadan manakala yang buruk sebagai sempadan.
6. Perbanyakkan DOA seperti yang diajar oleh Islam. Inilah senjata umat yang paling kuat.

* Sumber: Bayan Linnas terbitan 9 Januari 2018 (Nikah..Mencari Sakinah, Rahmah, Mawaddah) 

فقه دان فرو کلاماسي ضرورة

٦١ جمادي الآخر ١٤٤١هـ / ٩٢ جانواري ١٢٠٢م

فد ماس سام، کراچان عوام تروس برفوغسي سفرتي بياسا د فريغت فرسکوتوان دان نکري سفنجع تيمفوه فلقتسانان ضرورة ابن تنفا سبارغ کغکوان. سباکاي مسلم، کيت فرلو برصبر دان تروس منيغتکن کتقوان کفد الله سبحانه وتعالی سباکايان فرمانن دالم سورة البقرة، ايات ٥٥١:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْأَمْوَالِ وَاللَّمَمَاتِ وَبَشِيرٍ الْأَصْبِرِينَ ﴿٥٥١﴾

مقصودن: «دان سسوغکوهن! کامي اکن مغوجي کامو دغن سدیکيت فراسان تاکوت (کفد موسوه) دان (دغن مراساي) کلافرن، دان (دغن برلاکون) ککوراغن دري هرتا بندا دان جيوا سرتا حاصيل تانمن. دان بريله خبر کمبيرا کفد اورغ-اورغ يغ صبر».

سیدغ جماعه يغ درحمتي الله،

منکوني سيتواسي اين، ساتو مؤتمر يغ مغميشتونکن فارا علماء دنيا اسلام دالم فلپاکاي ديسيفلين علمو سفرتي شريعت دان ديسيفلين علمو يغ لاین ترماسوق بيدغ کصیحتن يغ داداکن فد ٢٢ جولاي ٢٠٢٢ د مکة تله منجافاي کسفاکتن دان برستوجو ممقرکنلکن فقه کچمسن اتاو فقه الطوائري. فقه اين ممبري فئدوان کفد مشارکت اسلام باکايما اونتوق مغمادفي سيتواسي چمس يغ دعاقبتکن اوليه فئدميق ويروس کوويد-٩١.

ايکورن درفد ايت، ببراف ايس. اوفي يغ بركاءيتن دغن عبادت سفرتي حاج، عمره، صلاة جمعة، صلاة جماعه دان سباکاي تله دکلوارکن. يغ جلس، فلقتسانان اوندغ-اوندغ ضرورة اتاو حکم الطوائري اين منجادي سواتو کفرلوان د سستغه نکارا دمي کمصلحتن رعيت دالم کراغک مقاصد الشريعة، ايت اونتوق مملهارا کسلامتن اوا سلارس دغن قاعده فقه يغ من اتاکن:

الضُرُورَاتُ تُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا

مقصودن: سيتواسي ضرورة ايت دنياي مغيکوت کفرلوانن

برداسرکن فرن اتان اين، دافته کيت منولق کمضرتن ايت اونتوق سواتو تيمفوه ترنتنو دان اي اکن دنياي سمولا دري سودوت فقه کاوتامان، کمصلحتن دان کمضرتن اوليه فائل بييس دري سماس لک سماس. سسوغکوهن، اسلام سنتياس ملتکن نراچا دان فريتمبغن يغ خصوص دالم ممبوات دان ملقتسانان سبارغ فوليبي.

سیدغ جماعه يغ درحمتي الله،

فد کسمفتن اين، منبر منرو کفد سيدغ جماعه سکالين، ماريله کيت انصافي سيتواسي ضرورة اين دغن ممبولکن کيفينن کيت

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُتَوِّبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُّرْسِدًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَقْتَرُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦٩﴾ (الأعراف ١٦٩)

سیدغ جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوله کفد الله سبحانه وتعالی دغن ملقتسانان سکالا فريته-ن دان منيگلکن سکالا لا رغن-ن. خطبة فد هاري اين برتاجوق " فقه دان فرو کلاماسي ضرورة " .

سیدغ جماعه يغ درحمتي الله،

فنيغتکن کيس کوويد-٩١ سچارا مندادر د مليسيا فد فريتمبغن بولن جانواري ١٢٠٢ تله مندافت فراهاتين سريوس فيهق کراچان فوست. حال اين من بيکن کراچان ترقتسا ملاکون ساتو کفتوسن يغ امت فنيغ لاکي سوکر ايت ممشروکلاماسيکن اوردينان ضرورة فد ٤١ جانواري ١٢٠٢ سلارس دغن کفرلوان-کفرلوان سماس.

والاوقون برت، نامون کفتوسن اين منوروت فريتمبغن کراچان امت فرلو کران فنولارن فئدميق ويروس کوويد-٩١ اين ديمبغي اکن ممبري ايمش يغ ساغت بسر ترهادف سيکنور ايکونومي، فئدييقن، سوسيال دان سباکاي. ماله اف يغ مريساوکن، جک فنيغتکن تروس برلاکو، کواليبي کهيدوفن رعيت اکن ترجس دان مروسوت.

ضرورة يغ دمقصودکن بونکه رامشن کواس کنتران تنافي سواتو فغيشتهارن کراچان يغ لازيمن مگکتوغکن فوغسي- فوغسي بياسا ترنتنو دالم کراچان، مغيگتن رعيت اکر مغوبه طيبة بياسا مريک، اتاو مغارهن اکينسي کراچان اونتوق ملقتسانان رانچغن فرسدیان ضرورة. دغن ايت، کراچان دافت سکرا برتندق ملنداين کيس سکاليکوس مگک فئدميق کوويد-٩١. اين ممبوليهکن کراچان موده چارادان ممقرکاس سکالا تيندقن دالم مغاول ويروس دغن ممبوات اوردينان بهارو تنفا فرلو ملالوي فروسيس فغکوبلن اوندغ-اوندغ د فريلمن يغ ممان ماس.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيَّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا
كباوه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فِدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ،
السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُومِ
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ المُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

فرمان الله سبحانه وتعالى:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾ فَإِذَا فَرَغْتَ
فَانصَبْ ﴿٧﴾ وَإِلَى رَبِّكَ فَارْجِعْ ﴿٨﴾

مقصودن: «اوليه ايت، مك (تفتكله كفرچاياءنمو) بهاوا
سسوغكوهن تياف-تياف كسورن دسرتاي كموداهن،
(سكالي لائي دتسكن): بهاوا سسوغكوهن تياف-تياف
كسورن دسرتاي كموداهن. كمودين افايلا اغكاو تله سلساي
(درفد سسواتو عمل صالح)، مك برسوغكوه-سوغكوهله
اغكاو براوسها (مغرچكن عمل صالح يَغْ لايِن)، دان كفد
توهنمو سهاج هندقله اغكاو مموهون (اف يَغْ اغكاو كُمر دان
ايغيني)». ﴿سوره الشرح آيات ٥ - ٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِنَّا كُنَّا بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنِّي أَلْفُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ
بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى نَبِيِّي يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٦٥

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَنِيهِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ،
وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ
وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

وَكَذَلِكَ كباوه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فِدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ
فَرمابيسوري اكوغْ، تونكو (Tunku) حاجه عَزِيْزَةُ اَمِيْنَةُ مَبْمُوْنَةُ
إِسْكَندَرِيَّةِ بِنْتِ المَرْحُومِ المَتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ
الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنْ
الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيًّا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلٍ
وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ
وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ
كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ
وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ
الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

يا الله! دغن صفة-مو يَغْ مها فموره دان مها مندرغ! اغكاوله يَغْ
بركواس اتس تياف-تياف سسواتو. كامى همبا-مو يَغْ لمة مرايو
كفد-مو اكر اغكاو اغكت دان هيلغكن سكرًا وابق فن اكب
كوزيد-٩١ يَغْ سداغ ملندا كامى اكر دافت كامى ملقساناكن
شعار-مو دغن سمفورنا. هان كفد-مو جوا يا الله، تمقت كامى
مغادو دان مموهون فرتولوغن.

يا الله! جاديكنله كامى دان كتورونن كامى اورغ-اورغ يَغْ
استقامه منديريكن صلاة سچارا برجماعه. سسوغكوهن هان
كفد-مو جوا يا الله، دعا كامى موهون دفركن دان دتريما.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلِلَّهِ إِلَهٌ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ. SR

Peranan dan Fungsi Masjid ketika Pandemi

Ikmal Zaidi bin Hashim

Imam Besar

Masjid Putra, Putrajaya

Pandemik Covid-19 yang tercetus lebih setahun lalu sememangnya memaksa kita semua mengubah cara hidup dengan norma baharu. Ia merupakan suatu perubahan drastik melibatkan hampir seluruh sistem kehidupan seharian yang melibatkan semua pihak dalam pelbagai lapisan masyarakat. Pelbagai perkara baharu perlu dibiasakan demi mengekang dan menghalang penularan wabak ini yang sehingga hari ini masih belum mahu reda daripada masyarakat dunia. Pastinya dalam konteks negara Islam, institusi masjid merupakan antara premis yang paling terkesan dengan pandemik ini.

Sejak kerajaan mengarahkan agar norma baharu diamalkan, pelbagai garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dikeluarkan oleh pihak berwajib termasuklah yang melibatkan institusi masjid di seluruh negara. SOP Masjid dan Surau dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa agama di dan Negeri-negeri (Wilayah Persekutuan). Antara kandungan utama SOP tersebut ialah:

- Arahan pemakaian pelitup muka sepanjang berada di dalam masjid atau surau;
- Arahan membawa sejadah sendiri dan berwuduk dari rumah;
- Penghadan jemaah solat kepada jumlah tertentu dalam satu-satu masa sama ada solat berjemaah atau solat Jumaat;
- Mengambil suhu badan dengan memastikan suhu badan adalah di paras yang normal;
- Tidak bersalaman sesama jemaah sesudah solat; dan

- Penjarakan fizikal (di antara para jemaah) dengan kadar 1 atau 1.5 meter semasa pelaksanaan solat berjemaah.

SOP yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa agama mempunyai sedikit sebanyak perbezaan antara satu negeri dengan negeri yang lain dengan meraiikan kondisi yang berbeza di negeri masing-masing.

Penerusan Fungsi dan Pengimarahannya Masjid

Sebagai institusi yang merupakan nukleus masyarakat dan umat Islam, masjid tidak sewajarnya berhenti berfungsi walaupun pada saat pandemik seperti sekarang. Masjid wajib beradaptasi dengan suasana semasa agar terus kekal relevan sebagai pusat tadahan hidayah bagi masyarakat Islam setempat. Walaupun dengan bilangan jemaah yang berkurangan, masjid perlu proaktif dalam merencana dan melaksanakan program-program pengimarahannya yang mesra norma baharu dan pada masa yang sama lebih mesra dan peduli jemaah.



Mimbar Jumaat sebagai Wadah

Dalam tempoh pandemik ini antara fungsi penting institusi masjid adalah memberi kefahaman sebenar tentang isu-isu berkaitan Covid-19 khususnya yang berkaitan dengan norma baharu di masjid seperti isu penjarakan saf, penghadan bilangan jemaah solat berjemaah dan solat Jumaat, isu pengambilan vaksin dan sebagainya. Mimbar Jumaat yang merupakan medium utama, melalui khutbah-khutbah berperanan memberikan sudut pandang Islami dan insani yang sewajarnya kepada jemaah, khususnya mengenai isu-isu hangat dan sering mengundang reaksi yang pelbagai. Oleh kerana itu, khutbah-khutbah Jumaat ini sangat penting untuk dibuat secara langsung melalui media sosial seperti Facebook, Youtube dan lain-lain.

Aplikasi Media Baharu di Masjid

Aplikasi dan inovasi teknologi media baharu sangat signifikan dalam pelaksanaan program-program masjid semasa tempoh pandemik ini. Masjid semestinya mempunyai saluran dan laman media tersendiri yang aktif memberikan maklumat dan informasi kepada jemaah. Selain khutbah Jumaat, aktiviti-aktiviti pengimarahannya seperti kuliah-kuliah pengajian secara dalam talian wajar diteruskan. Dalam situasi menekan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masyarakat sangat memerlukan pengisian rohani ekoran pelbagai masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan seperti masalah kewangan, rumahtangga, keluarga dan sebagainya. Selain itu setiap aktiviti masjid wajar diuar-uarkan melalui media sosial dengan seluas-luasnya agar masyarakat merasa dekat dengan masjid dan ingin turut serta dalam menjayakan aktiviti-aktiviti tersebut.

Masjid Santuni Jemaah Berkeperluan

Sepanjang pandemik kita menyaksikan banyak pihak yang terkesan dari sudut ekonomi dan kewangan khususnya golongan B40. Untuk itu masjid sewajarnya mempunyai program dan aktiviti khusus dalam menyantuni jemaah terutamanya golongan yang terkesan dengan pandemik ini, lebih-lebih lagi golongan asnaf yang tinggal dalam kariah masing-masing. Masjid juga boleh menganjurkan secara aktif program-program bantuan dan kempen infaq yang berterusan agar jemaah yang berkemampuan boleh menyalurkan sumbangan mereka melalui masjid untuk disampaikan kepada golongan yang memerlukan. Ini sekali gus akan meningkatkan kesedaran dan nilai tolong menolong dalam kalangan jemaah selain menyuburkan rasa cakna dan prihatin terhadap kesusahan orang lain. Usaha ini sangat penting dan signifikan lebih-lebih lagi bagi menangkis dan menafikan tuduhan dan persepsi negatif dan skeptikal segelintir pihak terhadap masjid.

Kurangkan Kontroversi Tingkatkan Prestasi

Tidak dinafikan, untuk meneruskan fungsi dan peranan masjid dalam musim PKP dan Pandemik Covid-19 ini pelbagai cabaran mesti dihadapi oleh pentadbir dan pegawai masjid. Kesabaran dan ketabahan yang tinggi amat diperlukan dalam mendepani pelbagai cabaran. Antaranya ialah:

- SOP yang sering berubah dari semasa ke semasa. Ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak masjid dalam membuat perubahan segera khususnya yang melibatkan bilangan kehadiran jemaah yang dibenarkan.
- Sikap segelintir jemaah yang tidak membantu, tidak memberikan kerjasama, bahkan sering menimbulkan polemik dan perbalahan

dengan pentadbir masjid;

- Kewangan masjid yang turut terjejas akibat jemaah yang terhad khasnya ketika solat Jumaat menyebabkan perbelanjaan masjid semakin membebankan; dan
- Ketiadaan kemudahan yang mencukupi untuk menjalankan program-program secara dalam talian selain kekurangan tenaga berkebolehan untuk melaksanakannya.

Walau apa pun cabarannya, pihak masjid dengan penuh tabah dan sabar akan terus memberikan komitmen yang cemerlang dalam menjayakan segala program dan aktiviti sepanjang tempoh pandemik ini. Semoga Allah SWT memberikan kekuatan dan ketabahan kepada mereka dalam menjaga dan memelihara rumah Allah di muka bumi ini. Semoga kita tergolong dalam golongan yang disebutkan dalam surah al-Tawbah, ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا
اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.” SR



Tawaran Menulis Dalam Majalah Sinar Rohani:

Adakah anda seorang penulis?

Atau ingin mencuba menulis, atau berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah Sinar Rohani, anda boleh menulis dari sekarang, Hantar sumbangan anda segera!!!, Bayaran akan dibuat setelah artikel anda terpilih dan diterbitkan.

Majalah SINAR ROHANI mengalu-alukan sumbangan daripada pembaca. Ganjaran berpatutan. Sila mana yang berkenaan:

Sajak, Perspektif, Global, Fikrah, Fokus, Turath, Tazkirah, Dakwah, Cerpen, Semasa, Info, Mimbar, Inspirasi, Lain-lain (Nyatakan)

Borang Sumbangan:

BORANG SUMBANGAN

Nama :

Nama Samaran (Jika ada) :

Alamat :

Poskod : Negeri :

No K/P : No. Tel :

Pekerjaan :

Tahap Pendidikan :

No Akaun :

Bank :

Cawangan :

Tarikh :

Sajak

Pengurusan Islam

Aqidah

Isu

Islam dan Semasa

Halal dan haram

Sains dan Islam

Cerpen

Global

Muamalat

Sila yang berkenaan.

PERATIAN: Borang ini boleh difotostat.

Alamatkan sumbangan anda kepada:

Pengarang Majalah Cahaya

Bahagian Penerbitan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3,
62100 Putrajaya.

Dapatkan
SINAR ROHANI
di
www.islam.gov.my

BUKU BAHARU



ENSIKLOPEDIA **FIQH** ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

- ✓ Islam adalah agama yang syumul dan tidak membezakan penganutnya melalui perbezaan bangsa, jantina, warna kulit ataupun kemampuan dalam menguruskan hidup.
- ✓ Termasuklah orang kelainan upaya.
- ✓ Buku ini merupakan penjelasan berkaitan isu-isu serta permasalahan fiqh berkaitan OKU dalam aspek ibadat, munakahat, muamalat dan jenayah



Kedai Buku Jakim



bukuJakim



Kedai Buku Jakim